



MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

**Penggunaan Kalimah “Tuan Yang di-Pertua”/“Tuan Speaker”/“Tuan Pengerusi”**  
[Ruangan 2765]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan [2766]

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan** [Ruangan 2816]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam)**  
[Ruangan 2817]

**Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2)**  
[Ruangan 2835]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,  
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN  
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,  
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,  
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.  
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN  
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,  
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI  
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI  
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.  
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,  
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,  
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ  
BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).  
„ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).  
„ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).  
„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).  
„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).  
„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).  
„ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).  
„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).  
„ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).  
„ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).  
„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).  
„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).  
„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).  
„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).  
„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).  
„ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).  
„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).  
„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).  
„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).  
„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).  
„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).  
„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).  
„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).  
„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).  
„ DATIN HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).  
„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).  
„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).  
„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).  
„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).  
„ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).  
„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).  
„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).  
„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).  
„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu  
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.  
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir  
Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

***Pemberita-pemberita:***

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 27hb Julai, 1977
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA
 PENGGUNAAN KALIMAH "TUAN  
YANG DI-PERTUA"/"TUAN SPEAKER"/  
"TUAN PENERUSI"

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah lama memerhati apabila Ahli-ahli Yang Berhormat menghadapkan ucapan atau pertanyaan kepada Yang di-Pertua Dewan kerap kali menggunakan buat permulaan kata kalimah-kalimah seperti Tan Sri Yang di-Pertua atau Tan Sri Speaker dan kadangkala ditambah pula "Yang Berhormat" seperti Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua dan ada juga digunakan kalimah Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya.

Saya menghargai tinggi tujuan Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan kalimah Tan Sri dan Yang Berhormat itu ialah kerana hendak menghormati Yang di-Pertua Dewan. Sekarang ini saya cadangkan ada baiknya dan memadailah jika Dewan mengamal menggunakan salah satu daripada dua kalimah-kalimah sahaja, iaitu samada "Tuan Yang di-Pertua" atau "Tuan Speaker", sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Majlis dan dalam Perlembagaan dan seterusnya dalam Jawatankuasa menggunakan "Tuan Pengerusi".

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANTEMPOH PERSEKOLAHAN —  
PEPERIKSAAN PENILAIAN

**1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedang menimbang memendekkan masa persekolahan murid-murid atau penuntut-penuntut di negara ini dengan merendahkan setahun had umur masuk sekolah dan memasuki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah semasa tahun keenam dalam sekolah iaitu pada umur 11 tahun dan tempoh persekolahan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 hendaklah hanya selama 6 tahun.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Speaker. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Chan Siang Sun:** Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan buat masa ini untuk mengubah tempoh persekolahan bagi sekolah Rendah dan Menengah dan juga mengubah Peperiksaan Penilaian Darjah V ke Darjah VI.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa selepas Peperiksaan Penilaian Darjah V iaitu semasa murid-murid itu menduduki Darjah VI mereka kurang minat dalam pengajiannya tambahan pula didapati ada guru-guru yang ditugas mengajar murid-murid tersebut kurang memuaskannya hati murid-murid.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih dalam kajian Kementerian Pelajaran dan barangkali kita kena mengambil masa yang lebih supaya perkara ini dapat dikaji dengan mendalam.

## PELANTAR MENCARIGALI MINYAK DI PULAI, KUALA TRENGGANU

**2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan sebuah pelantar mencarigali minyak yang akan didirikan di Pulau dekat pantai Kuala Trengganu:

- (a) kenapakah dari 180 orang pekerja yang akan diambil bekerja untuk memasang pelantar itu hanya 60 orang sahaja terdiri dari rakyat tempatan; dan
- (b) berapakah bilangan pelantar yang ada setakat hari ini kepunyaan PETRONAS.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) adalah benar hanya 60 orang warganegara Malaysia daripada 180 orang pekerja-pekerja yang mendirikan pelantar mencarigali minyak di Pulau, Kuala Trengganu. Ini adalah kerana pelantar itu dibuat di Negeri Jepun dan memerlukan pekerja-pekerja yang mahir untuk mendirikannya. Kesemua 120 orang pekerja-pekerja Jepun yang bekerja mendirikan pelantar di Pulau itu, adalah terlatih dan mempunyai kemahiran tinggi serta berpengalaman yang luas di dalam pekerjaan mendirikan pelantar.

Oleh kerana pekerja-pekerja yang diperlukan seperti itu, tidak terdapat di Malaysia maka syarikat yang mendirikan pelantar itu telah mengambil pekerja-pekerja Jepun. Bagi kerja-kerja lain yang memerlukan pekerja-pekerja biasa sahaja, syarikat itu telahpun mengambil warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun kerja mendirikan pelantar mencarigali minyak di

Pulai itu adalah projek jangka pendek dan dijangka akan selesai pada bulan November tahun ini. Dalam pada itu, sukalah saya memaklumkan bahawa mengikut perjanjian-perjanjian perkongsian pengeluaran antara PETRONAS dengan kontraktor-kontraktornya, ada diperuntukkan bahawa kedua-dua belah pihak hendaklah memastikan bahawa seberapa boleh, barang-barang dan perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan.

- (b) Sekarang ini ada 12 pelantar minyak dan mengikut perjanjian, kesemuanya pelantar-pelantar itu adalah kepunyaan PETRONAS, sungguhpun pelantar-pelantar itu diselenggarakan oleh syarikat-syarikat minyak, iaitu 9 oleh Sarawak Shell, 2 oleh Sabah Shell, dan 1 oleh Exxon.

## NOMBOR PERJALANAN BAS

**3. Toh Puan Onn Zariah binti Abu Bakar** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa nombor-nombor perjalan bas, iaitu nombor-nombor bagi kawasan perjalan bas itu kebanyakannya dipamirkan dengan huruf yang terlampau kecil di dalam cermin yang kotor, menyebabkan kesukaran bagi penumpang-penumpang untuk menentukan nombor bas tersebut, terutamanya di kawasan Kuala Lumpur. Jika ya, apakah tindakan yang beliau akan ambil dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapat setengah-setengah bas mempamirkan nombor-nombor perjalanannya terlampau kecil dan tidak dijaga dengan sempurna dan menyebabkan kesukaran kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, di bawah Kaedah-kedah Motor Vehicle (Construction and Use),

1959 semua bas-bas termasuk bas ekspres adalah dikehendaki mempamirkan penunjuk perjalanan (destination indicator) yang menunjukkan dengan tepatnya arah perjalanan bas tersebut dengan huruf-huruf yang mudah dilihat dan dibaca daripada jarak yang sesuai di sebelah hadapan kenderaan tersebut.

Tindakan adalah diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ke atas bas-bas yang didapati tidak mematuhi kaedah-kaedah ini. Oleh itu, jika Ahli Yang Berhormat berpendapat ada bas-bas tertentu yang tidak mengikut kaedah-kaedah ini bolehlah mengemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menyatakan telah sedar adanya perkara yang dikemukakan di dalam soalan No. 3 ini. Dengan kesedaran ini dan dengan keterangan beliau bahawa tindakan sedang diambil atau sudah diambil, saya minta beliau menyatakan samada dakwaan sudah dibuat ke atas mana-mana bas atau mini-bas yang tidak menjalankan peraturan sebagaimana yang disebutkan di dalam soalan ini.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas pendapat beliau berkenaan dengan penyelewengan yang pernah dilakukan oleh bas-bas mini atau bas-bas besar. Jadi, saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada Kementerian saya butir-butir lanjut supaya langkah yang sesuai boleh diambil.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua soalan saya ialah kerana kesedaran itu adakah tindakan diambil dan kalau ada berapa buah syarikat mini bas yang telah didakwa di hadapan mahkamah?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis.

## LANTIKAN PENASIHAT KHAS KERAJAAN

**4. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan perkhidmatan yang cemerlang seseorang pegawai Kerajaan yang telah bersara mengikut had umur tetapi masih sihat untuk dilantik menjadi Penasihat Khas kepada Kerajaan di dalam bidang profession pegawai tersebut.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan Kerajaan untuk memberi penghargaan yang sewajarnya kepada perkhidmatan cemerlang seseorang pegawai Kerajaan semasa dalam jawatannya. Tetapi tidaklah sesuai dijadikan dasar atau amalan pula supaya pegawai itu dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Kerajaan selepas ianya bersara. Tindakan ini adalah tidak sejajar dengan dasar Kerajaan yang tidak menggalakkan perlantikan pegawai-pegawai yang telah bersara untuk jawatan-jawatan Kerajaan. Adalah lebih sesuai bagi Kerajaan tidak memberi sebarang jaminan perkhidmatan seterusnya kepada pegawai-pegawai itu. Bagi lantikan sebagai Penasihat Khas kepada Kerajaan, adalah lebih praktikal bagi Kerajaan melantik sesiapa jua yang difikir layak pada bila-bila masa dan dalam mana-mana bidang jua apabila diperlukan.

## RUMAH AWAM KOS RENDAH

**5. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa oleh kerana rumah-rumah iaitu melebihi daripada \$10,000.00 sebuah orang yang berpendapatan rendah tidak mampu membelinya. Jika sedar, tidakkah Kementerian ini akan memberi keistimewaan atau syarat-syarat di samping membuat rumah yang berharga mahal dan mengadakan pula rumah yang berharga murah iaitu \$10,000 sebuah dan ke bawah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-  
juan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin  
Omar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli  
Yang Berhormat itu adalah kurang jelas dan  
tidak spesifik kerana tidak menerangkan  
rumah apakah yang dikatakan melebihi  
\$10,000 sebuah itu.

Ada berbagai agensi Kerajaan yang melibat-  
kan diri dalam aktiviti pembinaan perumah-  
an. Sekim-sekim perumahan yang dilaksana-  
kan oleh agensi-agensi ini berbeza-beza di  
antara satu sama lain dari segi jenis, kategori,  
saiz, reka bentuk, kawasan tapak yang dipilih  
serta golongan pembeli yang mana yang  
hendak ditujukan. Bergantung kepada faktor-  
faktor ini maka harga rumah itu tentulah juga  
berbeza-beza ada yang tinggi, ada yang  
kurang tinggi, ada yang sederhana dan ada  
pula yang rendah harganya. Selain daripada  
agensi-agensi ini sebagaimana Ahli Yang Ber-  
hormat itu tentu juga tersedia maklum pihak  
pemaju-pemaju perumahan swasta juga men-  
dirikan rumah-rumah yang mana harganya  
juga bergantung kepada faktor-faktor yang  
saya telah sebut tadi dan faktor keuntungan.

Sejauh mana projek-projek perumahan  
awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan-  
kerajaan Negeri serta Dewan Bandaraya dari  
peruntukan pinjaman melalui Kementerian  
saya, ada berkenaan, rumah-rumah yang di-  
bina itu adalah khas ditujukan kepada rakyat  
Malaysia dalam golongan yang berpendapatan  
rendah. Kementerian saya telahpun meneta-  
pkan bagi rumah-rumah ini, yang ditakrifkan  
sebagai rumah awam kos rendah, kos bina-  
annya tidak melebihi \$7,500 seyunit (bagi Sabah  
dan Sarawak \$10,000 seyunit) melainkan  
rumah-rumah pangsa yang dianggarkan kos  
pembinaannya di antara \$10,000 - \$12,000 se-  
yunit bergantung kepada antara lain kos pe-  
nyediaan tapak serta kerja-kerja menanam  
cerucok yang diperlukan.

#### KERAHAN TENAGA (NATIONAL SERVICE)

6. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Men-

teri menyatakan samada Kerajaan akan me-  
timbang cara-cara mengadakan Perkhid-  
matan Negara untuk rakyat Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,  
Kerajaan berpendapat tidaklah perlu pada  
masa ini mengadakan perkhidmatan Negara,  
untuk rakyat Malaysia. Dari segi keselamatan,  
rancangan-rancangan seperti Rukun Tetangga  
dan RELA yang melibatkan banyak juga  
bilangan rakyat adalah mencukupi.

#### HUKUM-HUKUM ISLAM

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (*di  
bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-  
undang menyatakan oleh kerana Islam adalah  
Agama Negara Persekutuan samada Kerajaan  
akan menyerapkan secara beransur-ansur  
hukum-hukum Islam di dalam perundangan  
negara. Jika ya, apakah Undang-undang  
Islam yang telah diserapkan. Jika tidak,  
mengapa.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk  
Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-  
Pertua, saya kurang pasti apakah yang di-  
maksudkan dengan perkataan hukum-hukum  
Islam dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu.  
Setahu saya undang-undang itu ialah yang  
berasaskan Al-Quran, Hadith, Ijmak dan Qias  
yang telah sedia menjadi asas perundangan  
Islam.

Jika Ahli Yang Berhormat maksudkan  
hukum syarak yang saya sebutkan tadi, maka  
undang-undang yang sedemikian tidak ter-  
kandung dalam mana-mana senarai Perseku-  
tuan ataupun Negeri yang disenaraikan dalam  
Jadual Kesembilan. Bagaimanapun, di bawah  
senarai Kedua Jadual Kesembilan, kepada  
Perkembangan kita, hanya Negeri-negeri dan  
Wilayah Persekutuan sahaja yang mempunyai  
kuasa untuk membuat undang-undang ber-  
asaskan undang-undang Islam, bagi orang-  
orang yang beragama Islam. Walau  
bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita  
tahu bahawa ugama rasmi kita adalah ugama

Islam. Saya juga sebagai seorang Islam dan juga asas parti kita PAS dan UMNO seberapa yang boleh kita cuba juga apakala membuat undang-undang memikirkan supaya undang-undang yang kita buat itu seberapa yang boleh tidak bertentangan dengan Undang-undang Islam. Kalau kita teliti segala undang-undang khasnya jenayah yang ada dalam negara kita ini boleh dikatakan kebanyakannya mana-mana yang salah di bawah hukum syarak juga adalah bersalahan dalam undang-undang negeri kita. Ada hukuman-hukuman yang kita telah luluskan dalam Parlimen bagi satu-satu kesalahan jenayah itu sunguhpun tidaklah kita mengikut sebagaimana yang tercatat di dalam Al-Quran atau Hadith, hukuman-hukuman itu, misalnya, mencuri hukumannya kalau cukup saksi dipotong tangan dan kalau berzina pula dihukum rejam sebagaimana dalam hukum syarak, tetapi ada hukuman dengan cara jel dan lain-lain. Seberapa yang boleh sememang hasrat Kerajaan beransur-ansur menjalankan atau membuat undang-undang yang tidak menyalahi undang-undang Islam.

#### EMPAT NOMBOR EKOR

**8. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan dengan seriusnya mengambil alih secara pembelian Empat Nombor Ekor dan menjadikannya perusahaan yang dimiliki oleh Kerajaan supaya keuntungan yang besar yang diperolehi oleh E.N.E. dapat digunakan bagi tujuan-tujuan yang lebih membina selain dari membenarkan keuntungan itu masuk ke dalam saku-saku orang-orang persendirian.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seakan-akan sama dengan dua soalan yang pernah dikemukakan di Dewan ini dan telahpun diberi jawapan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 7hb. Julai, 1976 dan juga oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 24hb. November, 1976. Di

dalam dua soalan yang telah lalu itu Ahli Yang Berhormat itu ingin tahu samada Kerajaan bercadang hendak memiliknegarakan Syarikat Empat Nombor Ekor Berhad. Sekarang Yang Berhormat mahu tahu samada Kerajaan bercadang mengambil alih secara pembelian Syarikat Empat Nombor Ekor itu. Dahulunya telah dijawab Kerajaan tidak berhajat memiliknegarakan Syarikat Empat Nombor Ekor Berhad. Sekarang ini suka juga menjawab bahawa Kerajaan tidak sekali-kali berhajat mengambil alih Syarikat tersebut.

Dengan wujudnya Syarikat ini, bukannya pemegang-pemegang syer Syarikat sahaja yang mendapat keuntungan tetapi Kerajaan juga banyak mendapat hasil menerusi bayaran cukai yang semakin meningkat pada tiap-tiap tahun. Cukai yang diperolehi ialah \$8.8 juta dalam tahun 1969 dan \$23.7 dalam tahun 1970. Pada tahun 1976, jumlah cukai yang diperolehi ialah \$72.9 juta.

#### MISSI PERDAGANGAN KAYU BALAK

**9. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil yang dicapai setakat ini berikutan dengan lawatan Timbalannya baru-baru ini ke Amerika Syarikat untuk menggalakkan penjualan kayu balak.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Speaker, sebagai Yang Berhormat sedia maklum, Missi Perdagangan Kayu ke Amerika Syarikat daripada 24hb. April hingga 15hb. Mei itu, telah diketuai oleh saya sendiri sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Missi ini telah dibuat kerana Kerajaan dapati bahawa eksport kayu-kayan Malaysia ke pasaran Amerika Syarikat telah merosot kerana kurang galakan (promotion) dan juga Malaysia telah dianggap oleh negara itu sebagai punca pengeluaran kayu yang kedua sahaja kepada Filipina. Pada amnya, adalah didapati pengimpot-pengimpot Amerika Syarikat tidak berminat untuk berniaga dengan

pengekspot-pengekspot Malaysia kerana kurang perhubungan (poor contact) dan kerana ragu tentang cara-cara perdagangan (trading practices) pengekspot-pengekspot Malaysia. Keadaan keselamatan kita pun telah dibesar-besarkan hingga pengimpot sangsi yang mereka boleh mendapat bekalan dalam jangka panjang.

Semasa di Amerika Syarikat, Missi itu telah mengadakan beberapa seminar teknikal di Seattle, Portland, San Francisco, Los Angeles, Houston, Washington D.C. dan New York. Beberapa dialog telah juga diadakan dengan beberapa pertubuhan perdagangan kayu-kayan termasuklah Persatuan Plywood Amerika, Imported Hardwood Products Association dan Biro Merinyu Kayu Kayan Pantai Barat. Satu pertunjukan yang lengkap mengenai kayu dan barang-barang diperbuat daripada kayu Malaysia telah juga diadakan di Los Angeles dan New York.

Missi ini telah berjaya dari segi bahawa ianya telah dapat membetulkan salah faham dan prasangka yang terdapat mengenai kayu-kayan Malaysia dan juga telah dapat merapatkan perhubungan (contact) dengan pengimpot-pengimpot di Amerika Syarikat dan memperkenalkan dengan secara dekat tentang jenis-jenis kayu yang terdapat di Malaysia.

Di samping itu sukalah saya menyatakan di sini bahawa hasil daripada missi ini, dua buah pertubuhan perdagangan kayu-kayan, iaitu Persatuan Plywood Amerika dan Imported Hardwood Products Association telah menyatakan persetujuan mereka untuk menghantar delegasi-delegasi yang besar bagi menghadiri Persidangan Papan Lapis Asia (Asian Plywood Conference) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 3hb. hingga 6hb. Oktober, 1977 ini. Kehadiran mereka itu di Persidangan ini akan dapat menambah dan meluaskan lagi pengetahuan mereka tentang perusahaan kayu-kayan di rantau ini.

Di dalam lapangan kerjasama teknik pula, Persatuan Plywood Amerika telah menyiapkan

kerja-kerja penyelidikan yang berguna ke atas 15 jenis viniar Malaysia yang sesuai bagi dilapiskan atas Viniar Douglas Fir America untuk dibuat papan lapis. Persatuan ini juga telah memberi jaminan kepada missi bahawa ianya akan meneruskan kerja-kerja penyelidikan keatas lain-lain jenis kayu Malaysia, terutamanya bagi kegunaan veneer & plywood. Seterusnya Persatuan tersebut telah bersetuju untuk melatih seorang pegawai dari Persatuan Kilang Papan Lapis Malaysia dalam berbagai-bagai aspek pengilangan dan pementakan papan lapis.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dua faktor yang membuatkan perniagaan kayu balak di Amerika tidak mendapat sambutan yang pertama, kurang perhubungan dan yang kedua keselamatan di negara kita diperbesar-besarkan. Dengan keterangan ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan apakah peranan yang dibuat oleh Kedutaan kita dan apakah comment dari mereka terhadap kelemahan-kelemahan ini?

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Speaker, saya telah menerangkan kedudukan Keselamatan Malaysia kepada pengimpot-pengimpot Amerika Syarikat dan saya telah difahamkan bahawa Duta Malaysia di Washington ada berhubung dengan pengimpot-pengimpot Amerika Syarikat untuk memberi kedudukan keselamatan kita kepada mereka.

**Tuan Oh Keng Seng:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Dalam lawatan Timbalan Menteri baharu-baharu ini ke Amerika untuk menggalakkan penjualan kayu balak, adakah Timbalan Menteri juga mengambil usaha yang berat menarik penanaman wang dari Amerika untuk membina kilang-kilang kayu balak di Malaysia?

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Speaker, ada.

## LALULINTAS DI BULATAN-BULATAN KUALA LUMPUR

10. **Tuan Chin Hon Ngian** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk memperbaiki keadaan lalulintas di bulatan-bulatan di bandar Kuala Lumpur seperti berikut:—

- (i) di simpang Jalan Syed Putra dan Jalan Suleiman;
  - (ii) di simpang Jalan Parlimen dan Jalan Kuching (dekat Bank Negara);
  - (iii) di simpang Jalan Ipoh dan Jalan Maxwell; dan
  - (iv) di simpang Jalan Pudu dan Jalan Shaw,
- kerana kesesakan trafik akan melibat belanja yang banyak oleh sebab minyak yang banyak digunakan selain daripada masa yang akan digunakan dan juga membahayakan kepada alam sekeliling kerana banyak pengotoran udara akan dijadikan oleh enjin kenderaan itu; apakah langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan selaras dengan lain-lain Kementerian yang berkenaan supaya menjamin bahawa bila bulatan-bulatan dan simpang-simpang itu telah diperbaiki, mereka selalu jagai keadaan yang terbaik supaya dapat menampung tambahan trafik itu dengan licinnya.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar masalah-masalah yang timbul disebabkan pergerakan lalulintas yang tidak lancar di bulatan-bulatan di Kuala Lumpur.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah berikut:—

- (i) *Simpang Syed Putra dan Jalan Suleiman*  
Tawaran-tawaran untuk memperbaiki persimpangan tersebut sudah dipelawa oleh Jabatan Kerja Raya dan kerja-

kerja dijangka bermula sebelum akhir tahun 1977.

- (ii) *Simpang Jalan Parlimen dan Jalan Kuching*  
Kerja-kerja pembaikan lalulintas sedang berjalan.
- (iii) *Simpang Jalan Ipoh dan Jalan Maxwell*  
Pembinaan sebuah jejambat sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya.
- (iv) *Simpang Jalan Pudu dan Jalan Shaw*  
Tawaran-tawaran untuk memperbaiki persimpangan ini akan dipelawa tidak lama lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberitahu Dewan ini tentang beberapa langkah yang akan diambil untuk memperbaiki simpang-simpang jalan di bandar kita. Adakah beliau sedar bahawa kerja memperbaiki simpang-simpang jalan itu akan mengambil masa yang amat panjang dan dalam proses ini kesesakan lalulintas akan bertambah teruk. Jika beliau sedar, apakah langkah-langkah sementara atau jangka pendek yang akan diambil untuk mengawal keadaan lalulintas di bandar kita.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang memang disedari oleh Dewan Bandaraya dan seboleh-bolehnya langkah-langkah akan diambil bagi mengatasinya. Tetapi ini satu masalah yang tidak dapat dielakkan, sebab bila kita hendak membesarkan atau membaiki satu jalan, kita terpaksa gali-menggali dan ini akan menyusahkan orang yang menggunakan jalanraya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan bercadang untuk meminta Pejabat Lalulintas menambah anggota-anggota Polis Lalulintas (Traffic Police) untuk mengawal keadaan lalulintas di bandar kita.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat langkah ini telah diambil oleh

Dewan Bandaraya dan saya fikir seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sekarang Dewan Bandaraya telah mengambil banyak lagi Traffic Warden untuk menolong Polis yang bertugas dalam perkara ini.

**Dr. Chen Man Hin:** Selain daripada langkah-langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan membaiki lalulintas di Kuala Lumpur, adakah Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk memperbaiki lalulintas ini seperti rancangan MRT (Mass Rapid Transport) dari Kuala Lumpur-Petaling, atau dari Kuala Lumpur-Gombak dan lain-lain tempat.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang tidak bersangkutan dengan soalan asal.

## BAJU KURUNG BAGI MURID-MURID ISLAM

**11. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang mengenakan peraturan supaya semua murid-murid perempuan yang beragama Islam di negara ini diwajibkan berpakaian kebangsaan kain dan baju kurung.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang mengenakan peraturan supaya semua murid-murid perempuan yang beragama Islam di negara ini diwajibkan berpakaian kebangsaan kain dan baju kurung.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu jika Persatuan Ibubapa dan Guru sesebuah sekolah yang tertentu itu memutuskan bersetuju mengubah pakaian seragam sekarang kepada kain sarung dan baju kurung, adakah guru besarnya perlu menulis dan mendapat kebenaran rasmi dari pihak Pengarah Pelajaran Negeri?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak menjadi halangan daripada Kementerian Pelajaran, jikalau ada Persatuan Ibubapa dan Guru-guru atau pihak Lembaga Sekolah masing-masing hendak meminta keizinan daripada Kementerian Pelajaran untuk murid-murid perempuan memakai pakaian kebangsaan kain sarung dan baju kurung. Jadi, tidak payah meminta izin daripada Kementerian Pelajaran.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa Kementerian tidak bercadang supaya pakaian baju kurung ini dijalankan di sekolah?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kalau tidak silap saya pada masa dahulu ada dijadikan satu issue untuk perbincangan mulut, barangkali di dalam negara yang menjalankan sistem demokrasi berparlimen, ini adalah menjadi soal peredaran zaman. Selain daripada itu, ianya menjadi masalah kewangan kaum keluarga, kalau kita hendak membuat peraturan itu kesemua murid-murid mesti kena pakai.

Soal sama bersesuaian dan praktikal dengan kegiatan-kegiatan di dalam sekolah pun menjadi satu soal juga dan kena dibincangkan dan juga jikalau kita mengeluarkan peraturan semacam ini akan menimbulkan perasaan berasingan antara murid di dalam sesebuah sekolah itu. Oleh itu, kita boleh buat langkah kita dengan beransur-ansur, barangkali dengan cara ini boleh dapat diatasi dan dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna.

## PERSIDANGAN UTARA-SELATAN DI PARIS

**12. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil-hasil ekonomi yang menguntungkan Malaysia di sidang Utara-Selatan di Paris baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Utara-Selatan di Paris yang berakhir pada 2hb. Jun, 1977 yang lalu telah menumpukan perhatian utama terhadap masalah-masalah bahan-bahan mentah bagi meneruskan lagi usaha antarabangsa untuk mengujudkan pengstabilan harga bahan-bahan tersebut. Kumpulan negara-negara membangun di Persidangan itu telah dengan sepenuhnya memegang pada pendirian Kumpulan 77 dan terus berusaha supaya Integrated Programme dan Tabung Bersama yang merupakan unsur penting bagi membiayai antara lain stok penimbal bahan-bahan mentah ditubuhkan. Usaha-usaha ke arah ini merupakan usaha-usaha yang selaras dengan dasar Malaysia bagi menstabilkan pendapatan dari eksport.

Persetujuan yang dicapai di Paris merupakan langkah ke arah pencapaian objektif tersebut di atas. Persidangan itu telah, antara lain, mempersetujui penubuhan Tabung Bersama. Bagaimanapun, objektif serta struktur Tabung tersebut akan diperbincangkan lagi di persidangan-persidangan akan datang.

Selain dari itu, persetujuan-persetujuan lain yang dicapai merupakan usaha memperluaskan skop kerjasama bagi soal-soal bahan-bahan mentah. Langkah-langkah ini bertujuan bagi memperbaiki eksport negara-negara sedang membangun. Langkah-langkah ini termasuk:

- (1) penyelidikan dan pembangunan serta langkah-langkah lain bagi bahan-bahan mentah yang mempunyai persaingan dengan bahan-bahan tiruan.
- (2) Langkah-langkah ke arah kerjasama antarabangsa dalam lapangan pemasaran, dan agihan bahan-bahan mentah.
- (3) Langkah-langkah membantu negara-negara membangun yang bergantung kepada impot untuk pembangunan serta mempelbagaikan bahan-bahan asli.

- (4) Persetujuan bagi memperbaiki sistem Keutamaan Am.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan, dalam Persidangan Paris itu juga persetujuan dicapai bagi memudahkan negara-negara sedang membangun mendapat punca kewangan dari Pasaran Kewangan Antarabangsa serta soal-soal pelaburan asing secara terus kecuali Kriteria bagi gantirugi; pindaan pendapatan dan modal, hal-hal mengadili serta cara yang tetap bagi menyelesaikan pertikaian.

Langkah-langkah dan usaha yang diambil di Paris adalah untuk tujuan jangka panjang di mana penubuhan New International Economic Order adalah yang menjadi matlamat utama negara-negara membangun. Dalam konteks ini, persetujuan, yang dicapai di Paris itu memberi dorongan politik yang lebih bagi menambahkan skop kerjasama di antara negara-negara maju dengan negara-negara sedang membangun.

Malaysia sebagaimana juga negara-negara lain yang sedang membangun sudah tentu memperolehi keuntungan ekonomi hasil dari persetujuan-persetujuan tersebut walaupun kita masih tidak berpuashati sepenuhnya kerana masih ada lagi masalah-masalah yang perlu diselesaikan dan diatasi bersama.

## BAHASA ARAB

**13. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada hubungan yang semakin erat antara Malaysia dengan negara di Timur Tengah, samada beliau bercadang hendak menjadikan mata pelajaran Bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan di negara ini.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk sementara waktu ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Arab sebagai

salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan di negara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahasa Arab telahpun diajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah menengah agama yang ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan di sekolah-sekolah agama rakyat. Bilangan murid-murid yang mengikuti pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah ini tidak kurang daripada 50,000 orang. Kementerian Pelajaran sedang menghadapi masalah guru Bahasa Arab yang terlatih untuk ditempatkan di sekolah menengah kebangsaan agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran. Sekiranya pelajaran Bahasa Arab diadakan pula di sekolah-sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan sedangkan Kementerian tidak ada guru-guru Bahasa Arab yang terlatih, pelajar-pelajar yang mempelajarinya akan menghadapi masalah. Oleh itu, sebagai langkah yang pertama Kementerian Pelajaran hendaklah memperbaiki lebih dahulu mutu pengajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran. Sekiranya perkara ini dapat diselesaikan barulah Kementerian saya patut mengkaji samada perlu atau tidak menjadikan mata pelajaran Bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pelajaran agama memang ada di sekolah menengah tidakkah Kementerian ini memikirkan bahawa memang lojik bahawa Bahasa Arab itu diajarkan supaya ini dapat menolong penuntut-penuntut lebih senang mempelajari agama seperti hadis, ayat-ayat Quran dan sebagainya. Jadi tadi Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa Kerajaan menghadapi kesukaran guru-guru yang berkebolehan tetapi pada

prinsipnya tidakkah Kerajaan bersetuju supaya perkara ini diajar kerana agama.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu.

## RATU CANTIK

**14. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Penerangan menyatakan masih terdapat di antara akhbar-akhbar kita yang menggunakan perkataan "Nasib baik" untuk calun-calun ratu cantik yang diramalkan boleh memenangi pertandingan itu. Bolehkah dianggap akhbar seperti itu sebagai:

- (i) pendakwah sungsang;
- (ii) pasukan pelemah komunis; dan
- (iii) dari golongan yang "Tak makan dakwah".

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, perkara akhbar-akhbar menggunakan perkataan "nasib baik" untuk calun-calun ratu cantik adalah perkara yang di luar daripada kelolaan Kementerian ini. Sungguhpun saya sendiri tidak bersetuju dengan perkataan "nasib baik" digunakan kepada mereka yang mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan yang tidak digalakkan dan sebenarnya bertentangan dengan ajaran agama Islam itu maka Kementerian Penerangan tidak dapat berbuat apa-apa penapisan kerana kerja penapisan bagi akhbar-akhbar dan penerbitan adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

## SEKOLAH MENENGAH DI NANGA MUJONG

**15. Tuan Sibat Muyut Anak Tagong** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah sebarang rancangan untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah di Nanga Mujong di Bahagian Ketujuh.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk sementara waktu ini tidak ada rancangan hendak membina sebuah sekolah menengah baru di Nanga Mujong dalam Bahagian Ketujuh, Sarawak. Walau bagaimanapun sebuah sekolah menengah lagi telah dirancang untuk dibina di Kapit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Tapak bagi sekolah baru ini belum ditetapkan lagi.

### HOSPITAL DAERAH DI TUARAN

**16. Tuan Buja bin Gumbilai** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bilangan penduduk-penduduk di Daerah Tuaran kini telah meningkat lebih daripada 50,000 orang sekarang adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital di daerah tersebut; dan bila projek itu akan dimulakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan Anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada rancangan untuk membina sebuah hospital daerah di Tuaran dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Cadangan membina hospital daerah Tuaran mungkin akan dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah.

*(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah tidak hadir)*

### KOMPLEKS PELANCUNGAN

**18. Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan tertubuhnya DESARU di Johor, adakah Kerajaan bercadang hendak membuka lebih banyak lagi projek seperti itu dengan tujuan memajukan Pelancungan di negara ini seperti membuka kompleks seperti itu di Pulau Besar dekat Melaka.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Upacara pembukaan DESARU di Johor, Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia akan menjalankan beberapa kajian kemungkinan untuk menentukan kesesuaian beberapa kawasan di sekitar Pantai Timur untuk membangunkan kompleks-kompleks pelancungan yang 'integrated'. Kawasan-kawasan yang dimaksudkan ialah Mersing dan Besut termasuk Pantai Dalam Rhu. Selain daripada itu Perbadanan Kemajuan Pelancungan juga telah mendapat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk menjalankan kajian-kajian Pelan Induk bagi kawasan-kawasan Pangkor-Lumut, Pulau Langkawi, Taman Negara dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tujuan mengadakan Kajian-kajian Pelan Induk ini dengan sendirinya menerangkan maksud Perbadanan Kemajuan Pelancungan untuk mempelbagaikan lagi kemudahan-kemudahan pelancungan di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi yang baik. Dengan terlaksananya kajian-kajian tersebut adalah diharapkan yang pihak swasta akan melabur dan membina kompleks-kompleks pelancungan itu. Adalah juga diharapkan yang badan-badan berkanun berkenaan dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan jikalau perlu juga akan menyertainya samada secara langsung atau secara usahasama. Kerajaan mempunyai keazaman untuk mengembangkan lagi industri pelancungan di negara ini tetapi bagi mencapai matlamat-matlamat itu ianya pernah diatur dengan baik untuk mengelakkan dari pembangunan-pembangunan yang tidak teratur.

Untuk penjelasan, pembangunan kompleks pelancungan di Pulau Besar dekat negeri Melaka sedang dirancang oleh sebuah syarikat swasta.

## TANAMAN POKOK HIJAU DI BANDARAYA

**19. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa pembangunan di dalam bandar ini tidak mengutamakan tanaman-tanaman hijau yang mengakibatkan kurang indah atau menariknya bandar ini, apabila dibandingkan dengan bandar-bandar seperti Singapura, Bangkok, Brunei dan bandar-bandar besar di Asia. Jika ya, apakah rancangan yang beliau hendak ambil dan bila rancangan itu akan dilaksanakan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya mempunyai projek jangka panjang untuk menghijaukan dan mengindahkan keadaan di bandaraya dengan tanaman pokok-pokok rendah dan bunga-bunga yang menarik. Wang sejumlah \$185,000 telah diperuntukkan pada tahun ini untuk projek-projek berikut:—

- (a) Mengindahkan kawasan Jalan Pekeling, dari simpang Jalan Yap Kwan Seng terus ke Jalan Selangor Golf Club dan tawaran mengenainya telah dibuat kepada pemborong-pemborong.
- (b) Menggantikan pasu besar di pembahagi jalan di jejambat di hadapan Masjid Negara dengan pasu dalam bentuk yang melambangkan hasil seni kebudayaan negara. Projek ini akan dilaksanakan apabila peruntukan tambahan diadakan.
- (c) Melancarkan kempen mengindahkan bandaraya di kalangan penduduk Kuala Lumpur dan di seluruh sekolah-sekolah untuk menyedari bagaimana pentingnya alam sekitar ditanam pokok-pokok dan bunga-bunga.
- (d) Menggalakkan orangramai yang mempunyai kawasan di rumah masing-masing supaya menanam pokok-pokok, di mana Dewan Bandaraya akan memberi bekalan benih-benih

pokok yang dikehendaki dengan harga jualan yang berpatutan.

## BEKALAN AIR PAIP/LETRIK

**20. Datuk Peter Lim Pui Ho** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:—

- (a) samada beliau sedar bahawa ada kawasan-kawasan di Sandakan seperti Sibuga dan Cecily yang berada di dalam kawasan Bandar, tidak dapat menikmati kemudahan bekalan air dan letrik; dan
- (b) apakah langkah yang boleh diambil untuk membantu penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang tersebut di atas supaya boleh mendapat kemudahan-kemudahan ini.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, bekalan air paip tidak boleh disambungkan ke setengah kawasan di Sibuga dan Cecily kerana kawasan tersebut terletak jauh daripada paip-paip besar ataupun kawasan itu terletak di tempat yang tinggi.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi kemudahan bekalan air ke kebanyakan kawasan bandar dan luarbandar di Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Memandang kesukaran mendapat bekalan air di Sibuga dan Cecily, Kerajaan telahpun memperuntukkan sebanyak \$264,000 pada tahun ini untuk menyambung paip-paip besar ke kawasan-kawasan tersebut. Projek-projek yang akan dilaksanakan ialah seperti berikut:—

- |   |             |
|---|-------------|
| (i) Sambungan paip besar Jalan Kam Min        | — \$120,000 |
| (ii) Sambungan paip besar Jalan New Reservoir | — \$ 65,000 |
| (iii) Sambungan paip besar Jalan Fook Kim     | — \$ 79,000 |

Berkenaan dengan bekalan letrik pula, saya telah diberitahu oleh Lembaga Letrik Sabah bahawa memang benar terdapat beberapa

tempat-tempat kediaman di daerah-daerah Sibuga dan Cecily di Sandakan yang belum mendapat bekalan letrik.

Ingin dimaklumkan bahawa penyambungan letrik ke kawasan-kawasan yang belum ada bekalan letrik ini memerlukan sambungan sejauh  $\frac{3}{4}$  batu daripada pesawat Voltan Tinggi (High Tension) yang sedia ada, lengkap dengan sebuah stesyen kecil, Voltan Rendah (Low Tension) dan Service Lines yang mana memerlukan belanja yang agak tinggi. Oleh itu pertimbangan akan diberikan untuk memasukkan kedua-dua daerah ini di dalam projek Bekalan letrik Luarbandar di mana akan dilaksanakan mengikut keutamaannya bersama-sama dengan projek-projek lain di Negeri Sabah.

### SEKOLAH UGAMA MENENGAH TINGGI DI SARAWAK

**21. Tuan Buja bin Gumbilai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk membina sebuah Sekolah Ugama Menengah Tinggi di Sarawak; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, Kementerian Pelajaran telah pun memulakan penubuhan sebuah sekolah Menengah Kebangsaan Ugama bagi negeri Sarawak awal tahun 1977 bertempat di Matang, Kuching, Sarawak.

### PEMERIKSAAN DAFTAR MENGUNDI

**22. Tuan Chin Hon Ngian** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memimbangankan memanjangkan tempoh bagi pemeriksaan daftar pengundi kepada 3 bulan lagi untuk memberi masa yang cukup kepada pengundi-pengundi bagi memeriksa nama-nama mereka dan memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya jika berlaku sebarang kesilapan atau ketiadaan nama-nama mereka.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Speaker, Suruhanjaya Pilihanraya tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih daripada tempoh maksimum selama 42 hari yang dibenarkan oleh Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya, 1971 kepada 3 bulan kerana daripada pengalaman, Suruhanjaya Pilihanraya mendapati bahawa tempoh 21 hari hingga 42 hari yang dibenarkan itu adalah mencukupi bagi membolehkan orang ramai samada untuk mendaftar sebagai pemilih maupun untuk menyemak nama-nama mereka dalam daftar-daftar pemilih semasa.

Mengenai penyemakan nama-nama pemilih pula, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa seseorang itu boleh menyemak samada namanya ada dalam daftar pemilih pada bila-bila masa di Pejabat-pejabat Pegawai Pendaftaran Bahagian Pilihanraya Parlimen yang berkenaan atau di Pejabat Penyelia Pilihanraya Negeri. Sungguhpun begitu sekiranya namanya tidak ada dalam daftar pemilih beliau hanya boleh memohon didaftarkan semula dalam tempoh urusan pendaftaran pemilih dan menyemakan daftar-daftar pemilih dan penyemakan daftar-daftar-jaya Pilihanraya yang tidak kurang daripada 21 hari dan tidak lebih daripada 42 hari dalam satu-satu tahun.

### BANK NEGARA — KEHILANGAN WANG

**23. Toh Puan Onn Zariah binti Abu Bakar** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil siasatan yang diperolehi mengenai kehilangan wang Bank Negara, Cawangan Pulau Pinang sebanyak \$1.8 juta dan oleh kerana ini adalah wang rakyat, samada tangkapan atau penggantungan kerja telah dijalankan dan samada wang tersebut telah dilepas keluar negeri untuk kepentingan pihak-pihak tertentu.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Speaker, saya telahpun menjawab soalan yang sama

pada 8hb. April, 1977 di Dewan Negara di persidangan Parlimen yang lepas. Oleh kerana Polis masih membuat penyiasatan dalam perkara ini, saya tidaklah dapat memberi butir-butir lanjut berhubung dengan perkara ini. Pada masa sekarang belum ada tangkapan ataupun penggantungan kerja yang telah dibuat.

### PENGANGGUR-PENGANGGUR DI PANTAI TIMUR

**24. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa ramaikah penganggur-penganggur di negeri-negeri Pantai Timur yang mendaftar diri di Pejabat-pejabat Buruh di Kelantan, Trengganu dan Pahang bagi mendapatkan pekerjaan sehingga sekarang ini. Nyatakan mengikut pecahan lelaki dan perempuan dan apakah tindakan Kerajaan bagi mengurangkan pengangguran yang ada sekarang ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung bulan April, 1977, bilangan penganggur-penganggur di negeri-negeri Pantai Timur yang mendaftar diri di Pejabat-pejabat Buruh di Kelantan, Trengganu dan Pahang adalah seperti berikut:

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kelantan	6,704	3,066	9,770
Trengganu	8,220	2,136	10,356
Pahang	5,592	2,252	7,844
Jumlah	20,516	7,454	27,970

Masalah pengangguran memanglah di pandang berat oleh Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah jangka panjang dan jangka pendek untuk mempergiatkan lagi pembangunan ekonomi supaya lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan, khasnya di negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang dengan pembukaan tanah, rancangan-rancangan pembinaan dan juga menempatkan beberapa perusahaan di negeri-negeri.

### SYARIKAT BERHAD DIBUBARKAN

**25. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa lebihkurang 25 buah Syarikat Berhad telah gagal dan dibubarkan, kerana syakwasangka ke atas urusan pentadbiran perniagaan, penyalahgunaan wang dan rasuah, jika ya, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil membaiki pasaran Stock Exchange supaya orang ramai tidak akan ditipu-tipu lagi.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa lebihkurang 25 buah Syarikat Berhad telah gagal dan dibubarkan oleh sebab syakwasangka ke atas pentadbiran perniagaan, penyalahgunaan wang dan rasuah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Barangkali apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah 27 buah syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Stock Exchange) yang telah digantung perniagaan saham mereka seperti pada penghujung bulan Mei, 1977, atas beberapa sebab, termasuk kegagalan untuk mematuhi peraturan-peraturan yang dikehendaki oleh Pasaran Saham.

Daripada jumlah 27 buah syarikat-syarikat yang digantung perniagaan saham mereka, 5 sedang dalam perhatian pihak Pegawai Penerima sebab kegagalan perniagaan, 12 digantung oleh Pasaran Saham Kuala Lumpur Berhad sementara menunggu penjelasan ke atas kegiatan-kegiatan syarikat, 7 digantung atas permintaan syarikat-syarikat itu sendiri dan 3 lagi digantung atas sebab penyusunan semula syarikat.

Untuk makluman Yang Berhormat sekiranya ada bukti-bukti jelas yang menunjukkan penyalahgunaan wang dan sebagainya oleh pegawai-pegawai atau pengarah-pengarah syarikat, tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak-pihak tertentu di bawah peruntukan undang-undang yang ada.

## PENDERMA DARAH

**26. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa menderma darah adalah suatu perkara yang memberi kebaktian kepada orang yang berkehendakkan tambahan darah. Jika sedar, tidakkah Kementerian ini bercadang untuk memberi layanan yang istimewa kepada penderma-penderma darah untuk mendapat rawatan percuma semasa sakit sepertimana yang telahpun diberi kepada bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas ahli pasukan keselamatan yang lain. Dan nyatakan bilangan penderma darah mengikut hitungan:—

- (i) orang Melayu;
- (ii) orang China;
- (iii) orang India; dan
- (iv) lain-lain orang.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang kebaktian penderma-penderma darah sukarela dan sentiasa berterima kasih kepada mereka. Sebagai pengiktirafan terhadap kemurahan hati mereka, Kerajaan melalui Kementerian saya telah meminda Ordinan Bayaran Hospital, 1951 dalam tahun 1976 untuk membolehkan orang-orang yang selalu menderma darah mendapat kemudahan-kemudahan (misalnya bagi rawatan dan bayaran wad) yang sama menarik seperti kemudahan-kemudahan yang diberi kepada bekas anggota tentera dan bekas anggota-anggota angkatan keselamatan. Ini juga adalah untuk menggalakkan lebih ramai lagi warganegara Malaysia dari semua kaum supaya mendaftar diri sebagai penderma darah sukarela dengan tujuan mengadakan perkhidmatan penderma darah sukarela seratus peratus seluruh Malaysia.

Bilangan penderma-penderma darah mengikut kaum bagi Semenanjung Malaysia ialah

seperti berikut:

Tahun	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
1974	30870 (64.8%)	6802 (14.3%)	8375 (17.6%)	1603 (3.3%)	47650
1975	33816 (64.3%)	8010 (15.2%)	9287 (17.8%)	1442 (2.7%)	52555
1976	37976 (66.3%)	8763 (15.1%)	9227 (16.1%)	1301 (2.3%)	57267

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada angka-angka di sini amatlah berbeza sedangkan penerima darah tidak dikira kaum, kepada siapa sahaja yang sakit. Dengan sebab itu tidakkah ada daya usaha daripada Kementerian yang berkenaan untuk membuat satu kempen kepada lain-lain kaum terutama kaum yang mana penderma darahnya terlampau sedikit untuk memberi satu derma bakti sebagaimana yang terdapat daripada kaum Melayu.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian Kesihatan dengan perantaraan persatuan-persatuan penderma darah telah mengambil daya usaha untuk mengkempen kaum-kaum yang lain daripada Melayu ini untuk mendermakan darah yang lebih baik. Oleh kerana itulah kita dapat dalam angka bandingan tahun 1975 dan 1976 ada sedikit perbezaan tambahan kepada kebanyakan misalnya daripada kaum China 8,010 tahun 1975 dan 1976 — 8,763. Insyallah pada masa yang akan datang kita akan dapat memberikan banyak kempen dan banyak penderma daripada kaum-kaum lain daripada Melayu.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian telah membuat kajian sebenarnya satu kepercayaan bagi kaum-kaum yang tidak hendak menderma darah kononnya memberi darah itu adalah menderma hartanya, kerana takut hartanya keluar daripada badannya maka dia tidak mahu menderma. Adakah Kementerian membuat kajian dan kalau sudah membuat kajian ini apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi kepercayaan ini?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui buat ataupun tidak, tetapi apa yang saya faham, yang diberitahu kepada saya memang ada. Oleh kerana itu, saya berharap dan memikirkan oleh kerana kaum China telah banyak bertamadun sekarang ini, fahaman-fahaman yang kolot itu akan direntikan dan dengan cara itu penderma darah akan lebih banyak daripada kaum China pada masa akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 dan 27 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).*

#### KEHILANGAN SURAT-SURAT

**17. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa surat-surat dari Semenanjung-Sabah atau sebaliknya kedapatan kerap lambat diterima dan adakah rancangan hendak menyegerakan perkhidmatan pos surat ini; dan
- (b) adakah benar bahawa dalam bulan September 1976 hingga, sekarang ini ada kejadian-kejadian kehilangan beg-beg yang mengandungi surat-surat dari Kuala Lumpur ke Sabah, kiranya sedar, berapa banyak surat telah hilang termasuk surat berdaftar dan sudahkah disiasat bagaimana kejadian ini boleh berlaku dan adakah kecuaiian dalam perkara ini telah berlaku.

**Menteri Perhubungan Tan Sri V. Manickavasagam:**

- (a) Mel-mel di antara Semenanjung dan Sabah adalah dibawa oleh kenderaan

awam yang didapati paling cepat. Semua mel-mel kecuali bungkus-bungkus biasa sebenarnya dibawa oleh kapalterbang di antara Semenanjung dan Sabah. Bungkus-bungkus biasa adalah dihantar dengan kapal laut yang terdapat paling awal. Mel-mel yang membawa ke kawasan pedalaman Sabah akan diperbaiki serentak dengan sistem pengangkutan awam yang akan diperbaiki kelak ke kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, bungkus-bungkus udara ke Tawau mengalami sedikit kelewatan. Jabatan Perkhidmatan Pos sedang berbincang dengan pihak MAS untuk mencari jalan bagi mengatasi kelewatan ini.

- (b) Semenjak bulan September 1976 tidak terdapat sebarang kehilangan beg-beg yang mengandungi mel-mel dari Kuala Lumpur ke Sabah. Walau bagaimanapun diawal tahun 1976 terdapat satu kehilangan beg yang mengandungi mel-mel dari Kuala Lumpur ke Sabah. Jabatan Perkhidmatan Pos telahpun mengadakan perbincangan dengan pihak kapalterbang dan peraturan-peraturan keselamatan telah diperketatkan. Sejak itu tidak lagi berlaku sebarang kehilangan beg-beg.

#### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA — SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

**27. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan yang akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di Kawasan Hilir Padas khususnya dan di seluruh Negeri Sabah amnya;
- (b) bilangan guru-guru yang akan diambil bertugas bagi Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan

- (c) samada guru-guru ini akan diambil secara tetap dan berpencen.

**Menteri Pelajaran (Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):**

- (a) Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 441 projek sekolah rendah dan 36 projek sekolah menengah akan dilaksanakan. Antara projek-projek ini ialah 33 sekolah rendah baru dan 24 sekolah menengah baru. Di Kawasan Hilir Padas 33 projek sekolah rendah dan 3 sekolah menengah akan dilaksanakan.
- (b) Dalam sepenuh jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian bercadang untuk mengambil lebih kurang 2000 orang guru-guru.
- (c) Soalan samada guru-guru ini akan diambil secara tetap dan berpencen ini terpulanglah kepada kelayakan/pilihan guru-guru itu sendiri. Mereka yang di bawah Sekim UTS adalah berjawatan tetap tetapi tidak berpencen.

**CUKAI KASTAM DI PENGKALAN SULTAN ABDUL HALIM, BUTTERWORTH**

**28. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** meminta Menteri Kewangan menyatakan:—

- (a) jumlah pungutan cukai kastam yang dipungut di Pengkalan Sultan Abdul Halim Butterworth pada tahun 1975 dan 1976;
- (b) adakah pendapatan dari hasil cukai itu cukup untuk membayar gaji kakitangan di situ; dan
- (c) sebab-sebab perlunya pemeriksaan kastam di Pengkalan itu patut dikekalkan.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):**

- (a) Jumlah cukai kastam yang dipungut di Pengkalan Sultan Abdul Halim,

Butterworth ialah sebanyak \$7,592,122.72 dalam tahun 1975; iaitu:

pungutan dari eksport — \$60,396.09 (tidak termasuk duti bijih timah)

pungutan dari impot (gudang — \$7,451,270.68

Tempat pemeriksaan kenderaan — \$51,695.60

Tempat pemeriksaan penumpang — \$28,796.35)

Pungutan dalam tahun 1976 ialah sebanyak \$6,277,187.44 iaitu:

pungutan dari eksport — \$269,863.60 (tidak termasuk duti bijih timah)

pungutan dari impot (gudang — \$5,976,285.44

Tempat pemeriksaan kenderaan — \$23,971.47

Tempat pemeriksaan penumpang — \$7,066.83)

- (b) Dari angka-angka ini, maka adalah jelas bahawa pungutan cukai melebihi jumlah yang dikehendaki bagi membayar gaji kakitangan Kastam yang bertugas di Pengkalan itu.

- (c) Pemeriksaan Kastam dikehendaki diteruskan di Pengkalan itu kerana ada 515 jenis barang-barang yang belum dikenakan duti di Pulau Pinang. Duti atas barang-barang itu mestilah dipungut sekiranya ianya dibawa masuk ke Butterworth.

**PEMOHON TANAH FELDA**

**29. Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak pemohon-pemohon yang membuat permohonan untuk menyertai rancangan tanah FELDA tidak mempunyai

tanah dan permohonan mereka tidak mendapat perhatian. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap perkara ini.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda):** Saya menyedari ramai pemohon-pemohon untuk menjadi peneroka ialah mereka yang tidak mempunyai tanah. Pilihan untuk memasuki rancangan-rancangan tanah adalah dijalankan oleh satu Jawatankuasa mengandungi wakil-wakil Kerajaan Negeri yang berkenaan dan Pegawai-pegawai FELDA mengikut peraturan-peraturan yang telah dibuat. Tawaran untuk memasuki rancangan dibuat mengikut keputusan temuduga. Oleh kerana permohonan-permohonan yang diterima sangat ramai maka keutamaan diberi kepada mereka yang mendapat markah yang tinggi. Tiada kemungkinan sama sekali untuk FELDA menawarkan tempat kepada semua pemohon-pemohon.

### PELABUHAN TEMPATAN DI MALAYSIA

**30. Tuan Loh Fook Yen** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau supaya menjaminakan satu penghamburan (dissemination) makluman yang lebih berkesan kepada pelabur-pelabur tempatan supaya menggalakkan mereka melabur di Malaysia. Apa langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau itu supaya menjaminakan bahawa satu ketegasan yang sesuai dibuat atas pelaburan tempatan kerana ini menjadikan intisari pelaburan yang dikehendaki di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mendorong pelaburan tempatan di

Malaysia. Di antara langkah-langkah ini termasuk:—

- (1) Seminar-seminar pelaburan di peringkat Negeri telah dianjurkan bersama-sama dengan Perbadanan-perbadanan Negeri di beberapa buah negeri dalam Malaysia.
- (2) Penerbitan khas untuk para pelabur tempatan dan Bumiputra seperti 'Industrial Digest' dan 'Intisari' dan lain-lain buku kecil yang memberi maklumat-maklumat tentang peluang-peluang pelaburan dan lain-lain aspek pembangunan perindustrian telah dan akan terus diterbitkan.
- (3) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan menyiapkan kajian-kajian projek, kajian-kajian feasibiliti dan lain-lain dengan tujuan membantu syarikat-syarikat Malaysia mengesan projek-projek yang 'viable' dan Lembaga itu juga membantu syarikat-syarikat ini mencari rakan usahasama asing yang sesuai untuk penyertaan usahasama.
- (4) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah menubuhkan Pejabat-pejabat Wilayah di beberapa buah negeri dalam Malaysia guna menghubungi para pelabur tempatan dan menggalakkan mereka melabur di dalam sektor perkilangan.
- (5) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan mengendalikan Daftar Bakal-bakal Pelabur yang mengenalkan para pelabur asing kepada para pelabur tempatan dan para pelabur tempatan kepada para pelabur asing yang ingin menubuhkan usahasama. Di samping aktiviti-aktiviti ini, LKPP juga menganjurkan seminar-seminar Pelaburan tertentu dan Seminar yang ulung seumpama ini ialah seminar Pelaburan Wilayah yang meliputi negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara yang dijadualkan akan diadakan dalam bulan Ogos. Seminar-seminar

Wilayah seumpama ini juga akan diadakan di negeri-negeri lain di Malaysia.

#### LAPANGAN TERBANG KUANTAN

**31. Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah Lapangan terbang Kuantan akan diperbesarkan lagi supaya kapal terbang jet dapat mendarat.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Lapangan terbang Kuantan sekarang ini yang mempunyai landasan sepanjang 6,600 kaki boleh digunakan bagi kapal terbang jenis jet seperti Boeing 737. Perincian rekabentuk sedang diusahakan sekarang untuk memperluaskan bangunan terminal awam yang ada sekarang dan pembinaannya akan siap dalam bulan September 1978.

#### MENTERI KERAJAAN PUSAT

**32. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin Datuk Haji Asneh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah seorang Menteri sahaja menjadi wakil Negeri Sabah di dalam Kerajaan Pusat atau akan ditambah bilangannya; dan
- (b) jika ditambah bilangannya bilakah perlantikan akan dibuat.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Menteri-menteri di dalam Kerajaan Pusat bukanlah mewakili mana-mana negeri. Perlantikan serta bilangan Menteri-menteri adalah perkara yang diuruskan oleh Perdana Menteri bersama-sama dengan ketua-ketua Parti-parti di dalam Barisan Nasional. Oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan Parti-parti Politik di dalam Kerajaan Barisan Nasional, maka saya tidaklah dapat menjawabnya.

#### ANAK-ANAK LUAR NIKAH

**33. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) bilangan anak di luar nikah mengikut kaum dalam negara kita setakat ini;
- (b) angka mengikut tahun 1975 dan 1976; dan
- (c) tindakan yang diambil oleh Kementerian ini bagi mengurangkan kejadian ini dan di mana ditempatkan bayi-bayi ini.

**Menteri Kebajikan Am (Dato Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Bagi menjawab pertanyaan (a) dan (b), dukacita Kementerian saya tidak mendaftar dan menyimpan rekod-rekod anak-anak luar nikah.

Mengenai pertanyaan (c) masalah anak luar nikah adalah masalah moral yang sukar hendak diatasi. Kementerian saya hanya dapat memberi jagaan dan perlindungan kepada bayi-bayi luar nikah yang dihantar ke Rumah Kanak-kanak di bawah jagaan Kementerian ini.

#### LAPURAN GAJI KABINET

**34. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbangkan rayuan-rayuan dari Kesatuan-kesatuan Sekerja di seluruh negara yang tidak puashati terhadap Lapuran Gaji Kabinet.

**Perdana Menteri:** Kerajaan akan menimbang semua rayuan daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja di seluruh negara yang tidak puas hati terhadap Lapuran Gaji Kabinet. Walau bagaimanapun, pertimbangan tidak bermakna persetujuan dengan semua pendapat yang dikemukakan dalam rayuan-rayuan tersebut. Dalam pada itu Kerajaan juga, seperti dijanji dalam Lapuran Gaji Kabinet, telah menggubal undang-undang untuk menubuh sebuah Tribunal untuk menyelesaikan masalah kepincangan yang wujud kerana pelaksanaan Lapuran Gaji Kabinet.

Dengan tindakan ini dan peruntukan dalam Undang-undang yang sama berkenaan peranan Jabatan Perkhidmatan Awam pada

peringkat awal penyelesaian masalah kepincangan, maka tentulah jelas minat Kerajaan menimbang segala rayuan berkenaan dengan Tanggagaji Kabinet yang sedang dilaksanakan.

### KATIL-KATIL DI HOSPITAL DAERAH/NEGERI

35. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Kesihatan memberi satu senarai Daerah-daerah di dalam Malaysia yang telah mencapai matlamat berikut:—

- (a) 2 "acute hospital beds" bagi tiap-tiap 1,000 orang penduduk;
- (b) 3 "acute hospital beds" bagi tiap-tiap 1,000 orang penduduk, dan
- (c) 4 "acute hospital beds" bagi tiap-tiap 1,000 orang penduduk.

Menteri itu juga diminta memberitahu mengenai peratusan katil-katil hospital ber-

banding dengan bilangan penduduk di dalam tiap-tiap daerah. Umpamanya katil-katil hospital Kerajaan dan katil-katil hospital persendirian.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Dato' Lee Siok Yew):** Daerah-daerah yang telah mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti di bawah:—

### KAPALTERBANG ROMBONGAN MENTERI BESAR PERAK MENDARAT DI PULAU PINANG

36. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:—

- (a) samada beliau sedar bahawa kapal-terbang Caribou TUDM yang ditumpangangi oleh rombongan keselamatan Negeri Perak dari Haadyai ke Ipoh yang diketuai oleh Menteri Besar Perak Tan Sri Ghazali Jawi telah dipaksa

Bil.	Negeri	Daerah	Hospital	Kadar bil. katil bagi tiap-tiap 1000 orang penduduk		
				2 katil	3 katil	4 katil
(1)	Perlis	Perlis	Hosp. Besar, Kangar	2.30	—	—
(2)	Kedah	P. Langkawi	Hosp. Daerah, P. Langkawi	2.02	—	—
(3)	P. Pinang	P. Pinang, T. Laut	Hosp. Besar, Pulau Pinang	2.38	—	—
(4)	Perak	Batang Padang	Hosp. Daerah, Tapah	2.09	—	—
			Hosp. Daerah, Tg. Malim	2.09	—	—
			Hosp. Besar, Ipoh	2.06	—	—
			Hosp. Daerah, Batu Gajah	2.06	—	—
			Hosp. Daerah, Kampar	2.06	—	—
(5)	Selangor	K. Lumpur	Hosp. Besar, Kuala Lumpur	2.64	—	—
			Hosp. University	2.64	—	—
			Hosp. Daerah, Sungai Buloh	2.64	—	—
			Hosp. Daerah, Kajang	—	3.07	—
(6)	N. Sembilan	Seremban	Hosp. Besar, Seremban	—	—	4.17
			Hosp. Daerah, Jelevu	2.87	—	—
			Hosp. Daerah, Tampin	2.69	—	—
(7)	Melaka	Tengah	Hosp. Besar, Melaka	—	3.38	—
(8)	Johor	J. Bharu	Hosp. Besar, J. Bharu	—	3.49	—
			Hosp. Daerah, Mersing	2.16	—	—
(9)	Pahang	Kuantan	Hosp. Besar, Kuantan	—	3.62	—
			Hosp. Daerah, Bentong	2.31	—	—
			Hosp. Daerah, Kuala Lipis	2.62	—	—
(10)	Trengganu	Kemaman	Hosp. Daerah, Kemaman	2.36	—	—
(11)	Kelantan	Kota Bharu	Hosp. Besar, Kota Bharu	—	3.30	—

Jawapan ini juga meliputi bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu.

turun di Lapanganterbang Pulau Pinang, jika ya, siapakah orang-orang itu serta sebutkan jawatan-jawatan mereka; dan

- (b) samada pihak Imigresen dan Kastam telah mendapat maklumat dari Haad-yai bahawa pesawat itu ada membawa candu, morphin, dadah atau orang, jika tidak mengapa pesawat itu dipaksa turun di Pulau Pinang dengan sertamerta dan kemudiannya pihak Kastam dan Imigresen yang hendak membuat pemeriksaan, meminta maaf setelah mengetahui bahawa rombongan ini disertai Menteri Besar Perak, Tan Sri Ghazali Jawi.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

(a) Soalan serupa ini telahpun dijawab pada 18.7.77. Ahli-ahli rombongan yang dimaksudkan itu ialah:—

- (1) YAB. Dato' Sri Menteri Besar Perak (Dato' Sri Haji Mohammad Ghazali bin Jawi)
- (2) YB. Setiausaha Kerajaan Perak (Tuan Radin Soenarno Al-Haj)
- (3) Panglima 2 BIM. (Brig. Gen. Hassan bin Mohd. Salleh)
- (4) Ketua Polis Negeri Perak (DCP. Yuen Yuet Leng)
- (5) Panglima Briged Utara PPH. (SAC. Haji Ahmad bin Haji Abdul Hamid)
- (6) Ketua Cawangan Khas Negeri Perak. (SAC. Mohd. Ghazali bin Haji Abu Bakar)
- (7) Pengarah Penerangan Negeri Perak. (Encik Ismail Shah bin Hj. Sulaiman Shah)
- (8) YB. Encik Wan Mohamed bin Haji Wan Teh — Ahli Exco
- (9) YB. Tuan Haji Hisan bin Ibrahim — Ahli Exco

- (10) Setiausaha JKKN Perak. (Encik Mohamed Shariff bin Osman)
- (11) Pegawai Turus Gerak Polis. (ASP Yassin Yusof)
- (12) Pegawai Turus Polis Urusetia Bersama. (ASP Matsusah bin Haji Sadikin)
- (13) Pegawai Cawangan Khas Perak. (DSP Desmond Lawrence)
- (14) Pegawai Cawangan Khas Daerah Kroh. (ASP Baharum bin Ibrahim)
- (15) Pegawai Turus Tentera Urusetia Bersama. (Mejar Nik Ibrahim bin Nik Ismail)
- (16) Setiausaha Akhbar YAB. Menteri Besar Perak. (Encik Arshad bin Abdullah)
- (17) Pegawai Turus Civil Urusetia Bersama. (Encik Nik Mohd. Kamil bin Nik Daud)
- (18) Pegawai Risik Tentera. (Mejar Meor Adam)
- (19) Pegawai Peribadi YAB. Menteri Besar Perak. (Encik Mahbob)
- (20) Lt. Kol. Nik Majid
- (21) Encik Halim Ali Wisma Putra KPS — Asia Tenggara

- (b) Pihak Imigresen dan pihak Kastam tidak menerima apa-apa maklumat dari mana-mana pihak pun. Arahan mendarat itu telah dikeluarkan oleh Kawalan Lalulintas Udara dari Kuala Lumpur.

**BIASISWA PERBADANAN  
PERKAPALAN ANTARABANGSA  
MALAYSIA (MISC)**

37. Tuan Lee Boon Peng minta Perdana Menteri menyatakan beberapa biasiswa telah diberi oleh MISC kepada pelajar-pelajar yang belajar di seberang laut dalam bidang Reka-bentuk Angkatan Laut (Naval Architecture) sebagaimana dinyatakan di perenggan 1234 Rancangan Malaysia Ketiga bahawa MISC

akan memberi biasiswa-biasiswa kepada pelajar-pelajar seberang laut yang mengambil kursus-kursus itu. Ada benar bahawa biasiswa-biasiswa itu hanya diberi kepada pelajar-pelajar Bumiputra.

**Datuk Hussein bin Onn:** Setakat ini Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia telah memberikan hanya dua biasiswa dalam Pengajian Rekabentuk Angkatan Laut (Naval Architecture). Sekim biasiswa ini akan diteruskan pada masa hadapan mengikut keperluan Perbadanan.

Memang benar bahawa kedua biasiswa yang telah dihadiahkan itu telah diberikan kepada Bumiputra. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa biasiswa Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia, diberi hanya kepada pelajar-pelajar Bumiputra sahaja. Mengikut dasar Perbadanan Perkapalan itu, hadiah biasiswanya adalah terbuka kepada semua

warganegara Malaysia. Dalam pada itu memandangkan kepada kekurangan bilangan Bumiputra yang berkelayakan teknikal dan professional dalam Perbadanan itu, maka calon Bumiputra adalah diberi keutamaan di dalam pemberian biasiswa itu.

### KAKITANGAN AKADEMIK/ PENTADBIRAN/AM DI UNIVERSITI

**38. Tuan Mak Hon Kam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kakitangan (akademik, pentadbiran dan am) yang diambil oleh tiap-tiap universiti dalam negeri ini dan menyatakan komposisi kaum dalam semua kategori-kategori kakitangan itu.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Perangkaan kakitangan akademik, pentadbiran dan am yang diambil oleh tiap-tiap universiti dalam negara ini mengikut pecahan kaum ialah seperti berikut:

KATEGORI BANGSA	AKADEMIK					PENTADBIRAN				AM				JUMLAH BESAR
	BUMI	C	I/LL	BW	JUM	BUMI	C	I/LL	J	BUMI	C	I/LL	J	
UNIVERSITI														
Universiti Malaya	137	422	163	162	884	41	45	21	107	1,023	620	330	1973	2964
Universiti Kebangsaan Malaysia	455	50	10	74	589	78	11	3	92	1,160	8	15	1183	1864
Universiti Sains Malaysia	113	177	43	117	448	50	41	11	102	468	219	125	812	1362
Universiti Pertanian Malaysia	276	67	37	18	398	52	10	4	66	892	39	139	1070	1354
Universiti Teknologi Malaysia	291	12	7	24	334	66	8	2	76	485	8	30	523	933

**Petunjuk:** Bumi — Bumiputra  
C — China  
I/LL — India dan Lain-lain  
Jum — Jumlah  
BW — Bukan Warganegara

**Catitan**

Akademik: Tenaga pengajar di dalam Kumpulan A dan termasuk pengajar bahasa kumpulan A & B

Pentadbiran: Kakitangan Pentadbiran dan Perpustakaan kumpulan A & B

AM: Kakitangan am dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik, kakitangan Keselamatan serta Kakitangan rendah dan buruh kasar.

### POLIKELINIK DI TIKAM BATU

39. **Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membina sebuah poliklinik di Tikam Batu, jika ya, bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:** Untuk kawasan luar bandar dasar Kementerian saya ialah mengadakan kemudahan-kemudahan perkhidmatan kesihatan seperti pusat kesihatan, kelinik desa dan kelinik bidan yang diperancang mengikut bilangan penduduk dalam sesuatu masyarakat itu.

Sebuah Kelinik Bidan telahpun dibina di Tikam Batu mengikut dasar yang tersebut.

Semua Kelinik Bidan akan dinaikkan tarafnya menjadi kelinik desa di mana seorang Jururawat Desa akan ditempatkan untuk memberi perkhidmatan yang lebih luas seperti rawatan sakit ringan, menyambut kelahiran di rumah dan penjagaan kanak-kanak. Dengan yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang membina sebuah Poliklinik di Tikam Batu.

Tikam Batu ialah 6 batu jauhnya dari Sungai Petani. Oleh itu kes-kes yang agak serius boleh dibawa ke Hospital Daerah Sungai Petani.

### POLIS DI PULAU PINANG

40. **Tuan Rasiah Rajasingam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:—

- (a) samada beliau sedar bahawa moral di kalangan anggota Polis di Pulau Pinang sangat rendah sekarang oleh sebab penggantungan kerja dua belas (12) orang daripada mereka semata-mata di atas tuduhan seorang individu sahaja yang sekarang ini sedang ditahan di Pusat Pemulihan;
- (b) adakah beliau sedar tentang adanya satu mini BSN di dalam Angkatan Polis

yang sedang menjalankan satu witch hunt dan oleh yang demikian menimbulkan satu suasana sangsi dan tidak percaya di antara satu sama lain di kalangan anggota Angkatan Polis; dan

- (c) samada beliau akan memberi jaminan iaitu sebarang tindakan Jabatan yang diambil terhadap seseorang anggota Angkatan Polis akan dijalankan dengan semangat "Keluruhan Undang-undang" dan "Keadilan Semulajadi" dan bukan mengikut kaedah pihak Pendakwa bersikap sebagai Hakim.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Soal kejatuhan moral di kalangan anggota-anggota Polis di Pulau Pinang seperti kata Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar. Sungguhpun tindakan mengantung kerja keatas anggota-anggota Polis tersebut berpunca daripada pendedahan yang dibuat oleh seorang penjenayah yang sekarang sedang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak, tetapi pihak Polis tidak menerima bulat-bulat percakapan-percakapan penjenayah itu, sebaliknya telah menjalankan siasatan yang rapi serta teliti dengan tidak menyebelahkan ke mana-mana pihakpun.
- (b) Di dalam Pasukan Polis ada Bahagian Tatatertib yang telah ditubuhkan sejak awal tahun 1976 di Cawangan Penguurusan Ibupejabat Polis. Tidak benar dakwaan yang mengatakan kononnya, Bahagian Tatatertib ini sedang menjalankan satu 'witch hunt'. Segala aduan adalah disiasat secara teliti tanpa membelakangkan peluang-peluang bagi anggota Polis yang berkecenderungan untuk menjelaskan kedu-dukannya. Sekiranya siasatan itu membuktikan adanya alasan-alasan yang menasabah bahawa anggota tersebut telah menunjukkan kelemahan-kelemahan tertentu sebagaimana

dalam tuduhan, suatu laporan yang sewajarnya akan dikemukakan kepada pihak Berkuasa Tatatertib untuk tindakan. Sekiranya seseorang anggota itu didapati berkhidmat dengan ikhlas dan jujur, maka perkara sangsi sesama mereka tidak timbul.

- (c) Sebarang tindakan Jabatan yang diambil terhadap anggota-anggota Polis, Pihak berkuasa Tatatertib adalah tertakluk kepada aturcara-aturcara (procedures) yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Polis, 1970. Aturcara-aturcara itu memberi peluang sepenuhnya kepada anggota Polis yang berkenaan untuk membela dirinya dan Pihakberkuasa Tatatertib tidak boleh menjatuhkan sebarang hukuman tatatertib kecuali jika ianya berpuas hati bahwa anggota tersebut telah tidak dapat memberi keterangan-keterangan atau alasan-alasan yang menasabah. Dengan adanya peraturan-peraturan yang lengkap ini, saya percaya pegawai-pegawai kanan Polis yang telah diamanahkan dengan kuasa-kuasa tatatertib adalah berupaya mengendalikan kes-kes tatatertib secara adil dan saksama.

#### HOSPITAL DAERAH DI PASIR MAS

**41. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar projek binaan hospital baru di Pasir Mas telah tergendala kerana wang peruntukan bagi projek tersebut belum diterima lagi oleh Kerajaan Negeri Kelantan dari Kerajaan Pusat.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:** Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan projek Hospital Daerah yang baru di Pasir Mas. Tanah bagi projek ini telahpun diperolehi dan pada masa ini perancangan sedang giat dijalankan. Apabila perancangan ini selesai,

tender-tender akan dipanggil dan pembinaan akan dimulakan setelah urusan-urusan tender itu selesai.

#### KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

**42. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang diambil:—

- (a) untuk mengekalkan kebudayaan India;
- (b) untuk mengekalkan kebudayaan China; dan
- (c) untuk menggalakkan pengajian kebudayaan-kebudayaan ini di sekolah-sekolah kebangsaan dan di Universiti-universiti.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Masalah untuk mengekalkan samada kebudayaan India atau kebudayaan China adalah tidak timbul di bawah cita-cita pengujudan Kebudayaan Kebangsaan oleh kerana kebudayaan-kebudayaan kesukuan atau kaum adalah akan tetap menjadi amalan atau warisan suku kaum berkenaan sesuai dengan kehendak-kehendak Perlembagaan dan Rukunegara. Meskipun begitu, sebagaimana yang dimaklumi, salah satu prinsip Kebudayaan Kebangsaan ialah mana-mana unsur-unsur yang sesuai dan wajar dari kebudayaan-kebudayaan lain selain daripada kebudayaan rakyat asal rantau ini akan diserap menjadi sebahagian daripada Kebudayaan Kebangsaan itu selagi unsur-unsur itu tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip kebudayaan rakyat asal dan juga Islam. Kita haruslah dapat membezakan di antara Kebudayaan Kebangsaan dengan kebudayaan suku atau kaum tadi. Sesungguhnya kebudayaan-kebudayaan kaum akan tetap dipusakai sebagai warisan tradisi masing-masing kaum dan pengekalannya adalah menjadi sebagai usaha-usaha perlanjutan di dalam ciri-ciri kebudayaan itu sendiri sedangkan peranan kebudayaan-kebudayaan itu atau kebudayaan-kebudayaan asing yang lain akan dengan sendirinya pengaruh-mempengaruhi

atau disesuaikan mengikut kehendak-kehendak masa dan perubahan kebudayaan itu sendiri.

Sebagaimana yang diketahui pengajian kebudayaan-kebudayaan di Universiti-universiti adalah dijalankan oleh Pusat-pusat Pengajian Tinggi itu sendiri. Memangnya ada Jabatan-jabatan Pengajian tertentu, misalnya di Universiti Malaya, Jabatan Pengajian China, Jabatan Pengajian India dan Jabatan Pengajian Melayu yang mana sebahagian daripada kursus-kursusnya adalah berhubung dengan kebudayaan, sejarah dan kemasyarakatan masyarakat berkenaan. Pengajian kebudayaan di sekolah-sekolah adalah tertakluk kepada sistem pendidikan kebangsaan kita yang tentunya adalah akan menekankan kepada hasrat dan cita-cita membentuk keperibadian dan perpaduan menerusi Kebudayaan Kebangsaan itu.

#### KES-KES AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**43. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa Majlis Peguam tidak begitu gembira dengan perbincaraan-perbincaraan dikenali sebagai "Kes-kes Akta Keselamatan Dalam Negeri". Apakah langkah yang beliau cadang hendak ambil bagi menghapuskan perbincaraan-perbincaraan seperti ini.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Setakat ini perkara ini belum lagi dibangkitkan secara resmi oleh Majlis Peguam kepada Menteri Undang-undang.

Bagaimanapun, Menteri sentiasa sedar bahawa bukannya setiap perbincaraan yang diadakan menurut undang-undang boleh diterima dengan senang hati oleh Majlis. Melalui istilah "Kes-kes Akta Keselamatan Dalam Negeri" saya anggap Ahli Yang Berhormat itu maksudkan semua kes yang boleh dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri

1960 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975. Kerajaan adalah berpegang teguh pada prinsip utama bahawa Akta-akta dan Peraturan-peraturan itu adalah tersangat perlu demi keselamatan dalam negeri Malaysia, dan tidak sekali-kali bercadang untuk memansuhkannya. Selagi peruntukan-peruntukan Akta itu masih berkuatkuasa, kes-kes yang boleh dibicarakan di bawahnya akan diteruskan.

#### PAKAR-PAKAR/PEGAWAI PERUBATAN MELETAKKAN JAWATAN

**44. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan:

- (a) pakar-pakar; dan
- (b) pegawai-pegawai perubatan telah meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan bagi setiap bulan pada tahun ini, samada beliau berduga akan terdapat perletakkan jawatan yang lebih ramai dalam masa akan datang ini dan apakah tindakan Kementerian beliau telah ambil untuk menentukan terdapat suatu perkhidmatan perubatan yang puas hati.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:**

- (a) Bilangan pakar-pakar yang telah meletakkan jawatan pada bulan Januari hingga pertengahan bulan Julai 1977 adalah seperti berikut:—

Januari	— 2 orang
Februari	— 1 orang
Mac	— 2 orang
April	— 2 orang
Mei	— 3 orang
Jun	— 1 orang
Julai (hingga 15.7.77)	— 1 orang
	<u>11 orang</u>

- (b) Bilangan pegawai-pegawai perubatan yang telah meletakkan jawatan bagi jangkamasa yang sama adalah seperti berikut:—

Januari	—	19 orang
Februari	—	4 orang
Mac	—	20 orang
April	—	11 orang
Mei	—	11 orang
Jun	—	4 orang
Julai (hingga 15.7.77)	—	<u>6 orang</u>
		<u>75 orang</u>

Kementerian saya tidak dapat menduga samada akan terdapat lebih ramai bilangan Pegawai Perubatan yang akan meletakkan jawatan pada masa akan datang atau sebaliknya. Walau bagaimanapun dengan terlaksananya sekim gaji baru Jawatankuasa Kabinet yang telah berkuatkuasa pada 1.7.77 baru-baru ini, adalah diharapkan bilangan Pegawai-pegawai Perubatan yang meletakkan jawatan akan berkurangan di masa-masa akan datang.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian saya seperti menambah bilangan jawatan Pakar dan Pegawai Perubatan Tingkatan Tertinggi, mempercepatkan proses kenaikan pangkat kepada mereka yang berkecukupan dan mengurangkan pertukaran sejauh mana yang boleh dengan tujuan untuk memberikan perkhidmatan yang memuaskan hati mereka. Di samping itu juga Kementerian saya dari semasa ke semasa telah memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan dan menggalakkan mereka memperolehi kelulusan kepakaran dengan membenarkan cuti tanpa gaji selama 1 tahun bagi membolehkan mereka mengikuti Ijazah Lanjutan kepakaran di luar negeri.

#### **AKTIVITI KOMINIS OLEH CHIAN HENG KAI/CHAN KOK KIT**

**45. Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Sdr. Chian Heng Kai dan Sdr. Chan Kok Kit masih ditahan sungguhpun kedua-dua mereka ini telah menafikan yang mereka itu terlibat dengan aktiviti-aktiviti kominis atau pro-kominis dan mengapakah kedua-dua mereka itu dinafikan peluang untuk menyertai

talvisyen seperti tiga orang yang lain yang ditahan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Suka saya tegaskan di sini bahawa kedua-dua orang tersebut telah ditangkap setelah Kerajaan mempunyai maklumat bahawa kegiatan mereka terlibat dalam usaha yang membantu Barisan Pelemah Kominis (Communist United Front) dan setelah ditangkap mereka telah mengakui bahawa mereka sedar apa yang mereka lakukan boleh membantu kegiatan Barisan Pelemah Kominis Parti Kominis Malaya. Mereka telahpun diberi peluang untuk diwawancara oleh RTM sebagai yang diberi kepada orang-orang lain tetapi mereka telah enggan berbuat demikian kerana mereka masih ingin meneruskan lagi kegiatan politik mereka.

Kedua-dua orang berkenaan masih lagi ditahan sejajar dengan perakuan Lembaga Penasihat yang telah mendengar rayuan-rayuan mereka pada 5, 6 dan 14hb. April, 1977.

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN BANK PEMBANGUNAN ISLAM

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb. Julai, 1977).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita menyambung semula perbahasan atas masalah yang telah dimaklumkan tadi. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

3.35 *ptg.*

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun telah banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, bagi saya dengan terwujudnya satu Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah membuka satu lambaran sejarah yang baharu bagi negara kita. Dan dengan wujudnya Rang Undang-undang ini, saya amat bersetuju dengan pendapat dan kenyataan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kenyataan telah membuktikan yang sesuatu bank yang bercorak Islam yang tidak mengambil bunga dapat diwujudkan di dalam dunia khususnya dalam negara kita ini, insya

Allah. Dengan terwujudnya Bank Pembangunan Islam ini, saya yakin dan percaya bahawa masalah-masalah lain juga yang tidak difikirkan oleh orang-orang yang bukan Islam ataupun orang yang kurang percaya dengan Islam dan perundangan Islam ini akan dapat diwujudkan, akan dapat dilaksanakan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kemungkinan satu cawangan akan ditubuhkan di negara kita ini. Saya berharap benar-benar di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dalam persidangan yang akan diadakan pada bulan Mac, 1978 ini di Kuala Lumpur akan dapat menggunakan kebijaksanaannya dan daya usahanya seberapa boleh bagi mempercepatkan penubuhan cawangan bank itu di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya kurang jelas iaitu mengenai pinjaman yang hendak dipinjam oleh negara kita atau Kerajaan kita daripada Bank Pembangunan Islam ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pinjaman-pinjaman yang hendak dipinjamkan itu adalah diputuskan kepada tiga projek yang telah ditentukan. Kalau betul apa yang saya fahamkan itu bererti pinjaman-pinjaman yang akan dipinjam oleh Kerajaan kita daripada Bank Pembangunan Islam ini tidak dapat disalurkan bagi keseluruhan negara dan amat jauh dengan pendapat setengah-setengah rakan-rakan saya di dalam Dewan ini bahawa dengan tertubuhnya bank ini maka harapan rakyat di negara ini akan meletakkan kepada kemajuan dan tujuan pinjaman ini bagi disalurkan untuk projek-projek lain di luar bandar.

Jadi kalau tujuan pinjaman itu untuk tiga projek yang tertentu sebagaimana yang telah dinyatakan itu maka saya berharaplah kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat meluaskan kajian projek-projek ini bagi dapat diatur keseluruh negeri-negeri yang ada

di Malaysia ini. Walaupun saya sedar bahawa peruntukan ataupun anggaran yang hendak dipinjamkan bagi tiga projek yang terbesar itu memang sudah besar bilangan ataupun jumlahnya tetapi kita berharap benar-benar bahawa pinjaman yang tidak dikenakan bunga ini akan dapat diperluaskan dan akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Satu perkara lagi yang saya kurang jelas adakah pihak Kerajaan kita apabila meminjam daripada Bank Pembangunan Islam ini tanpa bunga sebagaimana yang dinyatakan dan wang pinjaman itu akan dilaburkan ataupun akan diberi sebagaimana yang disarankan oleh setengah-setengah saudara kita ini dengan mengenakan pula bunga kepada orang-orang yang akan dapat meminjam daripada faedah wang ini. Ini adalah menjadi satu tandatanya kepada saya bagaimanakah polisi Kementerian Kewangan ini sendiri akan melaksanakan wang pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam ini. Sebab pada fikiran saya amatlah baik sekali wang yang dipinjam daripada Bank Pembangunan Islam tanpa bunga ini akan dapat diberi pertolongan kepada rakyat dalam negara kita ini dengan memberi pinjaman juga tanpa bunga. Ini mungkin dapat memberi pertolongan kepada setengah-setengah pengusaha-pengusaha kita yang benar-benar mahu menjalankan perusahaan ataupun mahu meminjam wang daripada pihak-pihak yang berkenaan dan ini akan dapat menolong mereka itu memajukan perusahaan-perusahaan mereka di kawasan-kawasan mereka.

Kalau sebelum daripada ini, selalu kita mendapat kenyataan daripada pihak Kerajaan bahawa tiap-tiap satu projek yang hendak dijalankan di dalam negara kita ini berdasarkan projek itu samada viable atau tidak viable, samada menguntungkan ataupun tidak menguntungkan. Umpamanya, saya telah beberapa kali mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan sewaktu rakyat ataupun Wakil-wakil Rakyat meminta supaya ditempatkan satu talipon orang ramai di kampung-kampung pendalaman, maka

jawapan yang kita akan terima ialah oleh kerana kalau kita memasang talipon itu sampai 10—20 batu maka perbelanjaan sampai \$10,000—\$20,000. Mengikut kajian Kerajaan bahawa projek ini tidak menguntungkan dan sangat panjang masanya bagi dapat memungut balik wang yang dibelanjakan. Begitu juga banyak projek-projek yang kita menerima jawapan demikian. Saya percaya kalau Kerajaan kita dapat mengadakan kemudahan-kemudahan meminjam wang daripada Bank Pembangunan Islam ini, saya berharaplah pihak Kerajaan kita dapat mengutamakan kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar, kepentingan orang awam yang memang jauh ketinggalan di kampung-kampung ini dapat dipertimbangkan, dapat diberi kemudahan-kemudahan yang sepatutnya kalau sebelum ini tidak dapat diberi dengan alasan projek ini tidak viable, projek ini tidak viable, projek ini tidak menguntungkan. Tetapi saya percaya kalaulah kita dapat menggunakan wang ini yang tidak memberatkan Kerajaan kita dengan bunga-bunga yang tertentu sebagaimana pinjaman-pinjaman yang terdahulu daripada ini terkena bunganya daripada 4% sampai kepada 8%. Kalau pinjaman ini tidak dikenakan bunga, mungkin dengan wang ini dapat dipertimbangkan bagi melaksanakan projek-projek yang selama ini ketinggalan, yang selama ini tidak dapat dimasukkan kerana tidak viable, maka dengan wang ini dapat dimasukkirakan dan dapat dilaksanakan projek-projek sebagaimana yang saya maksudkan itu.

(Tuan (Timbalan) yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merasa amat gembira menyokong Rang Undang-undang ini dan meletakkan harapan yang sepenuhnya apabila lulusnya Rang Undang-undang ini maka negara kita akan dapat mencapai ataupun merasai nikmat daripada kelulusan Rang Undang-undang ini dan pihak Kementerian Kewangan sendiri, saya rasa tidak akan keberatan lagi untuk memberi kelulusan-kelulusan ataupun memberi pinjaman

kepada Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya sebagaimana yang kita tahu sekarang ini kebanyakan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada dalam Malaysia ini amat payah untuk mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat walaupun pinjaman itu diberi tetapi dengan keadaan yang amat sukar sekali. Tetapi saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini dan pihak Kementerian Kewangan kita mempunyai wang dapatlah dipertimbangkan dengan mudah permohonan-permohonan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapat pinjaman daripada pihak Kerajaan Pusat.

3.46 ptg.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam), 1977. Di samping menyokong, saya suka menyentuh satu dua perkara yang penting sekali kepada rakyat, khasnya kepada rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama oleh kerana harapan rakyat di luar bandar sudah sampai masanya dan haruslah Kerajaan memikirkan meluluskan Rang Undang-undang untuk meminjam wang dikehendaki dari Bank Pembangunan Islam untuk kegunaan rakyat dengan maksud-maksud yang tertentu.

Semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menerangkan bahawa di Negeri Sarawak telah ada diperuntukkan bagi meminjam wang untuk keperluan membuat satu port di Bintulu, Sarawak. Ini memang menelan belanja yang besar dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, akan tetapi pada pendapat saya port di Bintulu itu memang patutlah diperbesar dan dipercepatkan pembinaannya oleh kerana bahagian di Bintulu itu boleh dikatakan satu daripada bahagian di Sarawak yang dapat mengeluarkan hasil yang paling besar pada masa yang akan datang. Saya dapati mengikut Laporan Kerajaan Negeri Sarawak, bahagian di Bintulu itu adalah satu dari semua bahagian di Sarawak yang dapat

mengeluarkan hasil; yang pertama minyak dan kedua kayu-kayan. Oleh yang demikian, haruslah Kerajaan Pusat memberi wang pinjaman untuk membuat port di Bintulu itu tetapi rakyat di Sarawak mungkin ada juga berasa khuatir oleh kerana bila kilang minyak itu didirikan kelak apabila sudah tiba masanya, mungkin kilang minyak itu akan mengambil pekerja-pekerja dari luar negeri. Perkaranya ini patutlah diambil perhatian oleh Kerajaan. Di sini saya mohon supaya banyak lagi kaum bumiputra dari Sarawak diberi latihan di luar negeri supaya mereka itu kelak dapat menjalankan tugas-tugas di masa yang akan datang bila kawasan itu sudah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak peniaga kaum bumiputra di Sarawak, saya fikir kaum bumiputra di Sarawak memang menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini oleh kerana dalam Seksyen 3 (1) ini membolehkan Kerajaan dengan pihak Bank Pembangunan Islam dapat berunding apa-apa cara ataupun syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak antara Kerajaan dengan bank tersebut itu. Ini sudah menentukan Kerajaan akan membesarkan dalam bidang perniagaan bumiputra ataupun rancangan-rancangan yang lain yang dapat memberi faedah kepada negara supaya dapat menambahkan hasil negara di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya dapati pihak perniagaan kaum bumiputra di Sarawak di masa yang lepas yang hendak meminjam wang dari bank-bank terpaksa membayar interest ataupun bunga yang terlampau tinggi. Oleh yang demikian dari setahun ke setahun banyak perniagaan kaum bumiputra di Sarawak bertambah merosot dan oleh kerana Parlimen hari ini meluluskan Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam), 1977 mungkin ini adalah harapan rakyat di Sarawak khasnya kepada rakyat bumiputra yang amat betul-betul akan menjalankan di dalam bidang perniagaan dan sekali lagi saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

3.52 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan saya berpendapat Rang Undang-undang ini bukan sahaja menjadi keuntungan di segi mata benda, tetapi juga kita mendapat keuntungan di segi moral dan di segi sejarah sebagai ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak membangkitkan kita sebagai Islam di sini, tetapi walau bagaimanapun kita tidak menafikan negara kita yang berbilang kaum ini telah menjadikan ugama kita ugama Islam sebagai ugama rasmi, maka tidaklah salah sebagaimana saya katakan tadi kita pada hari ini selain dari kita mendapat pinjaman wang, kita juga mendapat satu sejarah, satu moral yang tinggi kepada negara kita yang mana ugama Islam sebagai ugama rasmi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa yang lepas kita dengar berkenaan dengan orang-orang Islam bahkan dunia Islam ini berkira berkenaan dengan rohaniah, syarahan dan sebagainya. Soal kewangan ini boleh dikatakan di akhir-akhir ini kita tinggalkan sedikit walaupun saya percaya Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu kalau dipandang dari segi sejarah ugama Islam telah maju daripada dahulu lagi, boleh dikatakan berkembang biak di segenap segi. Saya berdoa dan berharap ini satu daripada langkah permulaan ataupun salah satu daripada langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita.

Saya berasa syukur sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada petang semalam dengan adanya undang-undang ini telah menyambungkan usaha Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, maka saya dapati kesucian Kerajaan kita pada hari ini yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau tidak kira, asalkan satu-satu kerja itu membawa kebaikan maka dengan

rela hatinya sendiri, dengan persetujuan Perdana Menteri, saya percaya dan dengan daya usaha yang kuat daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah membawa Rang Undang-undang ini yang telah dijalankan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman daripada beberapa lama yang lepas. Atas keikhlasan ini, ada setengah orang berasa dukacita, dan kadang-kadang tidak mahu mengikutinya, tetapi atas sifat yang jujur yang ditunjukkan oleh Kerajaan kita termasuk juga Menteri Kewangan, saya sebagai seorang Islam, sebagai seorang Ahli Parlimen sungguh-sungguh mengucapkan syukur kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, pertama kita mengenal dari segi moral dan dari segi sejarah dan yang kedua, kita memerlukan wang. Wang ini bukan sahaja dari negara-negara Islam di mana memberi pinjaman kepada kita tetapi saya percaya Kerajaan kita telah juga membuat pinjaman. Apatah lagi kalau pinjaman yang kita dapat itu daripada negara-negara Bank Pembangunan Islam sendiri. Ini amatlah baik dan amatlah berfaedah. Saya berharap kepada Kerajaan yang mana kita tahu, kita ini masih kekurangan terutama memproseskan apa yang ada dalam negara kita hari ini. Saya dapati banyak bahan-bahan mentah yang ada dalam negara kita seperti getah, bijih timah dan sebagainya kerap kali perkara-perkara itu kita sahaja yang terok mendapatkan bahan-bahan tersebut, tetapi kerap kali bahan-bahan mentah tersebut kita tidak memproseskan di sini, maka tidak dapat tidak kerja yang mendapat keuntungan yang banyak itu telah dapat kepada negara-negara lain.

Yang sedihnya sebagaimana yang saya kata berkenaan dengan getah tadi, kerap kali kita hantar pergi keluar negeri, diproseskan, dibuat apa yang perlu, apa yang patut dibuat, maka getah yang kita hantar itu selepas mereka mendapat keuntungan, mereka pun menjual kepada kita balik. Maka saya berharap Kerajaan kita hari ini selain daripada perkara-perkara lain yang hendak dibuat,

patutlah juga bahan-bahan mentah yang ada dalam negara kita seperti getah, bijih timah dan sebagainya kita memproseskan sendiri, kita minta peruntukan pinjaman selain daripada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri petang semalam iaitu simen di Pahang dan kilang baja di Kedah, kalau tidak silap saya, ini amatlah berfaedah kerana hari ini kita tahu petani-petani kita menggunakan baja dan sebagainya. Dengan sebab itu saya berharap sebagaimana saya katakan tadi jikalau bahan-bahan ini mendapat keuntungan yang banyak, kalau kita memproseskan bahan-bahan ini keuntungan yang pertama, saya yakin akan mendapat keuntungan di segi kewangan dan yang kedua kita dapat mengurangkan pengangguran yang mana kita tahu walaupun negara kita kalau hendak dibandingkan dengan negara luar, saya yakin tidak banyak yang menganggur tetapi kita tidak menafikan adanya pengangguran ini. Tetapi dengan adanya bahan-bahan mentah tadi kita proses di sini maka tidak dapat tidak selain daripada kita mendapat keuntungan, pekerja-pekerja juga akan dapat ditempatkan di situ.

Yang kedua, saya suka contohkan juga seperti batu. Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang kecil, tanahnya baik, sebab itulah tebunya naik dengan baik. Kalau dapat diproseskan dengan tanaman-tanaman lain selain daripada tanaman tebu keadaan tanah yang ada itu bertambah baik lagi. Misalnya batu telah diadakan kilang simen di negeri Perlis hari ini. Tetapi kadang-kadang kerana keadaan negara kita hari ini membangun, banyak bangunan yang kita buat, simen kerap kali tidak cukup. Maklumlah saya dapat tahu kalau tidak silap saya simen yang terdapat dua yang kita dengar hari ini — ini yang saya dapat tahu dan yang selalu saya dengar. Satu Tasek Simen dan yang kedua CIMA atau Kilang Simen di Perlis. Dengan dua kilang simen ini tidak cukup. Bila kilang itu rosak, harganya melambung terlampau tinggi, bila melambung terlampau tinggi harga bangunan pun terlampau naik. Maka pada masa itu pemborong akan menerima azab yang teruk.

Kalau tidak dibuat pihak Jabatan Kerjaraya terpaksa menjalankan tugasnya iaitu denda dan sebagainya. Ini saya tidak salahkah Jabatan Kerjaraya, ini kewajiban yang telah ditetapkan, tetapi yang tidak boleh buat tadi selain dari perkara lain tidak cukup, saya dapat tahu simen. Kadang-kadang bukan setakat mahal ataupun harganya terlampau tinggi tetapi tidak ada bahan yang berkenaan kerana kilang itu rosak. Tasek Simen rosak dan CIMA di negeri Perlis juga rosak. Dengan sebab itu, saya berharap dengan wang pembangunan Islam ini juga kita dapat mengadakan banyak kilang simen lagi.

Saya contohkan di Perlis banyak bukit-bukit. Mengikut kajian tanah-tanah di bukit itu boleh dijadikan simen. Dengan sebab itu saya berharap di Perlis patutlah diadakan kilang simen lagi dan kalau boleh biarlah kilang simen yang akan dibangunkan itu baik di Perlis atau di mana pun dibiayai atau dipegang oleh bumiputra. Ini bukanlah saya bercakap sebagai perkauman, tetapi sebagai dasar hidup manusia, kita akan bertolong-tolongan. Kita akan tolong di segenap segi. Orang yang lemah, kita tolong. Kalau orang Melayu lemah, kita tolong dan orang lain lemah pun kita akan tolong. Tetapi sudah kena pada tempatnya, keadaan sudah terjadi kepada Malaysia hari ini, kebanyakan yang miskin penduduk luar bandar dan kebanyakan penduduk luar bandar itu ialah bumiputra — Melayu. Maka dengan sebab itu saya berharap kepada Yang Berhormat Mulia Menteri tolonglah mengambil berat di atas perkara ini dan kalau dapat wang ini seboleholehnya berilah keistimewaan kepada kaum bumiputra sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Juga saya berharap kalau boleh segala pinjaman yang kita akan dapat itu biarlah pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam. Saya bukanlah jadi fanatik pula kepada negara-negara luar, tetapi sebaik-baiknya kita ambil daripada negara-negara yang boleh dikatakan cukup erat kepada kita, apatah lagi kalau tidak silap saya pada petang semalam

saya dengar semasa Menteri mengemukakan Rang Undang-undang ini, faedahnya pun tidak ada, itu kalau tidak silap saya, kalau silap saya minta maaf. Saya berpendapat benda yang tidak ada faedahnya itu ajaib sangat, tetapi kalau betullah seperti yang saya dengar itu, untung banyaklah kita, untung di segi moral, untung di segi faedahnya tidak ada, jadi tidak payahlah kita ambil di tempat lain dan kita ambil di tempat ini sahaja. Dan ini juga seperti saya katakan tadi dari segi moral ini juga akan diperkatakan di luar daripada Dewan ini. Kalau di masa-masa yang lepas selalu kita pinjam di tempat lain tetapi hari ini kita dapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam sendiri, maka adalah Rang Undang-undang ini saya suka tegaskan sekali lagi memberikan keuntungan yang banyak terutama dari segi moral dan sejarah.

Akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana dalam persidangan yang akan datang, beliau sendiri akan jadi pengerusi Bank Pembangunan Islam yang akan ditempatkan di Malaysia. Ini menunjukkan rakyat dunia yang beragama Islam menganggap negara Malaysia ini walaupun berbilang kaum tetapi negara mempunyai ugama rasmi iaitu Islam. Bukan sekadar kata-kata tetapi kata-kata itu tepat maka sebab itulah lantikan Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai Pengerusi bank ini adalah sebagai penghormatan kepada beliau dan kehormatan kepada negara Malaysia khasnya kepada umat Islam di sini.

4.01 ptg.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pandangan dan pendapat yang berguna dan berfaedah bukan sahaja bagi saya tetapi juga bagi Kerajaan dan negara dalam masa membahaskan Rang Undang-undang yang telahpun dibentangkan dalam Dewan ini pada petang semalam.

Saya tertarik hati dengan ucapan wakil dari Kangar yang berkehendakkan lagi kilang simen. Saya diberitahu bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis akan menemui saya esok, dan kalau Perlis berkehendakkan kilang simen tambahan, bolehlah kita timbangkan untuk dikaji buat masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menjelaskan sedikit sebanyak hasil daripada sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa membahaskan Rang Undang-undang ini.

Pertamanya adalah mengenai penerangan supaya rakyat jelata faham tentang tujuan Bank Pembangunan Islam ini ditubuhkan dan juga bagaimana wang ini akan dibelanjakan di dalam negara-negara anggota bank tersebut. Semalam Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telahpun menyarankan supaya pihak Kerajaan memberitahu kepada rakyat dengan secara hebat supaya mereka dapat memahami bahawa sebarang projek yang akan dilaksanakan hasil daripada pinjaman wang daripada Bank Pembangunan Islam ini akan digunakan bukan sahaja semata-mata untuk orang Melayu atau kaum Islam tetapi juga akan memberi faedah kepada seluruh rakyat. Saya fikir ini adalah satu pandangan yang baik dan memanglah Kerajaan bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan ini dari masa ke semasa kepada rakyat, bahkan saya yakin dan percaya bahawa perbahasan yang diadakan dalam Dewan ini selama dua hari ini telahpun diikuti dengan penuh minat bukan sahaja oleh umat Islam di seluruh tanahair, tetapi juga rakyat jelata lainnya. Dan mereka sekarang ini saya percaya sudahpun memahami akan tujuan-tujuan bank ini ditubuhkan dan cara-cara projek-projek hasil dari pinjaman wang dari Bank ini akan dilaksanakan dan juga faedahnya yang akan diperolehi daripada pelaksanaan projek-projek itu. Lebih-lebih lagi Mesyuarat Agung Kedua Bank ini akan diadakan di Kuala Lumpur dan sebelum Mesyuarat Agung itu diadakan di Kuala

Lumpur dalam bulan Mac tahun hadapan, pihak Kerajaan akan mengadakan penerangan kepada rakyat seluruhnya supaya mereka dapat mengikuti dan mungkin menyertai di dalam persidangan itu. Saya diberitahu bukan sahaja pihak Gabenor-gabenor Bank-bank Pusat negara-negara anggota akan juga bersidang sebelum Bank ini mengadakan mesyuarat agungnya di Kuala Lumpur, tetapi pihak swasta akan menganjurkan suatu seminar di mana akan dijemput pemodal-pemodal dari negara-negara Arab dan juga dari negara Eropah dan Amerika Syarikat dan negara-negara tetangga dari gagasan ASEAN ini akan mengikuti supaya dapat mereka itu bersama-sama mencari jalan dan ikhtiar supaya mendirikan usahasama dengan pemodal-pemodal dari negara-negara Arab yang menjagai anggota dalam Bank Pembangunan Islam ini.

Selain daripada itu sukalah saya menjelaskan mengenai penubuhan kilang-kilang dalam Zon Perdagangan Bebas sebagaimana yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan juga dari Jerai. Memang ada tujuan Kerajaan untuk mengadakan kilang-kilang ini samada dengan cara sebagaimana yang telahpun dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai ataupun dari Setapak tetapi itu mestilah memerlukan masa dan pengkajian yang akan dibuat oleh Lembaga Pengarah Bank ini sendiri. Kita telahpun mengemukakan suatu senarai yang agak panjang kepada Lembaga Pengarah Bank ini dan juga kepada satu rombongan yang dikirim khas untuk membuat analisa dan pengkajian di atas projek-projek yang telah dikemukakan oleh Kerajaan kepada Bank ini baru-baru ini dan mereka sudah tentulah tidak dapat hendak mengkaji semua sekali projek ini dan sudah tentu ini akan memakan masa sedikit, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan berhasrat hendak mengemukakan seberapa banyak projek samada merupakan projek kemudahan asas ataupun projek-projek yang disifatkan sebagai projek perusahaan, samada untuk zon perdagangan bebas ataupun di kawasan-kawasan pendalaman di luar bandar untuk pertimbangan Bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telahpun menimbangkan semua perkara ini, di samping juga akan menggunakan lebihan wang yang ada tersimpan di Bank Pembangunan Islam supaya dapat disalurkan menerusi agensi-agensi Kerajaan untuk digunakan bagi menghasilkan sepenuhnya matlamat Dasar Ekonomi Baru terutama sekali untuk mempercepatkan penyertaan bumiputra di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Rombongan yang dikirim oleh Bank Pembangunan Islam baru-baru ini telahpun berkesempatan berunding dengan PERNAS, Lembaga dan Urusan Tabung Haji (LUTH) dan juga dengan pihak-pihak lain untuk mencari jalan bagaimana wang lebihan itu dapat dilaburkan di Malaysia ini yang boleh menjamin pulangan yang memuaskan kepada Bank ini di samping menolong umat Melayu yang benar-benar beragama Islam di tanahair kita supaya dapat mandi berkecimpung dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Dan nampaknya pihak rombongan itu sangat berpuas hati dengan apa yang telahpun dicadangkan oleh agensi-agensi Kerajaan ini.

Selain dari itu Bank Pembangunan Malaysia Berhad juga telah mengemukakan cadangan supaya dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah Bank Pembangunan Islam ini tentang cara-cara wang lebihan itu dapat juga disalurkan menerusi agensi Kerajaan ini semoga dapat meneguhkan Bank Pembangunan Malaysia Berhad serta dapat memberi peluang-peluang yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha Melayu yang hendak menciburkan diri dalam lapangan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan saya secara am apabila memandangkan kepada cadangan-cadangan yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan semalam dan juga pada petang ini. Saya sukalah mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan sedikit kepada apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Biasanya sikap dia memanglah begitu — apabila telah sampai masa kita memberi penjelasan, dia tak ada

dalam Dewan ini. Kalau dia mengambil bahagian pun, Tuan Yang di-Pertua, dia cuma boleh dikatakan hendak membuang masa Dewan ini sahaja, iaitu selalu sahaja mengungkit-ungkit masaalah yang telahpun dijawab. Barangkali sebagai seorang Ahli Parlimen, dia tidak mengikuti apa-apa yang telahpun berjalan dalam sidang Parlimen ini. Sebenarnya perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dijawab dalam Dewan ini dan di dalam Persidangan ini juga. Saya sendiri telah memberi jawapan bertulis dua hari dahulu mengenai kedudukan hutang asing Malaysia setakat ini dan mungkin Ahli Yang Berhormat itu walaupun membaca jawapan saya, sengaja tak mahu memahami. Kalau fahampun, sengaja tak mahu memahaminya langsung. Walau bagaimanapun oleh kerana perkara ini telah ditimbulkan olehnya, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa hutang asing Malaysia setakat bulan Mei, 1977 berjumlah \$5,850 juta.

Dan ini adalah merupa jumlah yang kecil sebagaimana disifatkan oleh Bank Dunia dalam pengkajiannya terhadap kedudukan mata asing negara kita di luar negeri dan juga pinjaman di luar negeri. Ini adalah berdasarkan bahawa belanja untuk membayar faedah tahunan hanya berjumlah 3.6% daripada pendapatan eksport tahunan negara kita. Bahkan pihak Bank Dunia telah menggesa Kerajaan Malaysia membuat pinjaman lebih daripada apa yang telah diperolehi oleh Kerajaan pada masa ini. Tetapi oleh kerana Kerajaan menjalankan satu dasar conservative dan berhati-hati tentang pinjaman dari luar negeri maka oleh sebab itulah Kerajaan tidak tertarik dengan cadangan daripada Bank Dunia untuk meminjam lebih daripada apa yang dikehendaki. Kita hanya meminjam cukup bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan yang boleh memberi faedah keseluruhannya kepada rakyat jelata yang ingin kepada perubahan sejak kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin hendak membandingkan tentang kedudukan

hutang kita dengan negara-negara yang sedang membangun, negara lain dan dengan negara yang maju oleh kerana saya fikir eloklah saya nyatakan di sini bahawa jumlah hutang yang diperolehi atau wang pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia setakat ini merupakan jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan negara-negara yang membangun di seberang laut dan bagi negara-negara yang maju pula mereka tidak perlu meminjam wang kerana mereka sudah maju. Kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun perlu kepada wang pinjaman oleh kerana kita tidak boleh bergantung kepada hasil pendapatan tahunan untuk hendak membangunkan masyarakat kita atau negara kita disebabkan kutipan hasil itu hanya cukup untuk membayar perbelanjaan mengurus, gaji dan sebagainya. Oleh sebab itulah sebagai sebuah negara yang membangun kita terpaksa mendapat pinjaman dari Institusi-institusi Antarabangsa di antara negara-negara sahabat yang mampu memberi pinjaman kepada negara kita yang suka melihat negara kita ini maju dan kita juga bersikap conservative dan selalunya berhati-hati tentang cara kita menggunakan wang yang telah kita pinjam dari negara-negara sahabat dan juga Institusi Antarabangsa supaya ianya akan memberi faedah dan akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi supaya membolehkan Kerajaan membayar balik bukan sahaja faedah tetapi juga wang pokok yang dipinjam kepada pihak-pihak yang telah memberi pinjaman wang kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita dapat lihat berapa banyak bangunan-bangunan, hospital-hospital, sekolah-sekolah, universiti-universiti, jalanraya-jalanraya dan lain-lain kemudahan yang telahpun diusaha dengan pinjaman-pinjaman yang diperolehi dari luar negeri. Jadi inilah faedah yang telah dapat dirasakan dan dikecapi oleh rakyat jelata seluruhnya dan kita akan memusatkan lagi pembangunan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan buat setakat ini kita mempunyai cadangan-cadangan bukan sahaja meminjam daripada punca-punca asli tetapi juga punca

baharu seperti Bank Pembangunan Islam, sebagaimana yang telah saya terangkan pada petang semalam apabila membentangkan usul ini.

Selain daripada itu sebagaimana diketahui umum Kerajaan akan membayar balik hutang tersebut mengikut perjanjian yang telah pun dibuat di antara pihak yang memberi pinjam dan kita sendiri dan dengan Bank Pembangunan Islam ini saya fikir tidaklah menjadi masalah oleh kerana sudah pun ditentukan bahawa wang pinjaman yang akan diberi untuk kemudahan-kemudahan asas tidak akan dikenakan sebarang faedah. Wang yang akan diberi pinjam oleh Bank Pembangunan Islam untuk kemudahan-kemudahan asas misalnya hanya akan dikenakan service fee di antara 2.5% hingga 3% sahaja setahun. Ini bergantung kepada projek yang akan dikemukakan kepada Bank itu dan tempoh pembayaran balik ialah selama 40 tahun dengan grace period selama 10 tahun. Jadi 50 tahun boleh kita pinjam dari Bank Pembangunan Islam. Dan kalaulah ada projek-projek ekonomi yang merupakan projek-projek perusahaan kita boleh dapat mempelawa Bank ini menyertai sebagai equity atau pemegang saham dan Bank ini sedia mengambil tidak lebih daripada 30% sebarang perusahaan yang hendak dijalankan oleh negara kita ini asalkan ianya didapati adalah satu projek yang ada dalam skop Bank itu sendiri. Oleh itu tidaklah payah menuduh samada Bank ini akan mengenakan strings attached dalam pinjaman yang akan diberi kepada Bank oleh kerana sebagaimana saya telah terangkan pada petang semalam Bank ini bukan sahaja Bank yang hendak melihat supaya negara-negara Islam maju dan masyarakat-masyarakat Islam yang ada dalam negara-negara yang bukan menganggap ugama Islam sebagai ugama rasmi tetapi juga akan menolong masyarakat-masyarakat itu supaya sama maju dengan masyarakat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga Bank ini akan memberi belanja tentang usaha-usaha untuk meninggikan lagi syiar Islam di

seluruh dunia bukan sahaja dalam negara-negara anggota. Pendek kata ia akan menjadi lambang perpaduan, lambang perpaduan umat Islam, lambang perpaduan negara-negara Islam dan lambang perpaduan bagi rakyat seluruhnya yang akan menjadi contoh kepada dunia bahawa umat Islam dapat ber-naung dan bersatu di bawah Badan Ekonomi ini. Saya penuh keyakinan bahawa rakyat di seluruh tanah air akan menyokong penyertaan kita dalam Bank ini oleh kerana ianya akan menjamin keselamatan serta kesejahteraan Islam di tanah air kita buat masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi yang saya hendak sentuh oleh kerana perkara-perkara yang telah timbul itu telahpun dicatitkan oleh saya dan akan diambil ingatan untuk dikaji dan dilaksanakan oleh Kerajaan sekiranya didapati berfaedah dan berguna bagi rakyat jelata sekalian. Sebelum saya duduk izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan-cadangan yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (NO. 2)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.20 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah dikemukakan atas nasihat Peguam Negara kerana mengikut sub-sections (1) dan (2) Seksyen 25A Akta itu, seseorang yang disyaki penagih dadah boleh disuruh mengambil pemeriksaan doktor dan disuruhnya dihantar ke Pusat Pemulihan selama enam bulan dengan tidak melalui mahkamah. Ini adalah bercanggah dengan kebebasan asasi seperti tersebut dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini memerlukan semua perintah tahanan sementara ke Pusat Pengesahan, perintah pemulihan ke Pusat Pemulihan dan perintah seliaan dibuat oleh mahkamah Magistrate in Chamber.

Aspek pindaan pertama yang terpenting sekali ialah memindahkan kuasa daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Polis kepada pihak mahkamah untuk memerintah seseorang yang disyaki penagih dadah ditahan sementara di Pusat Pengesahan (detection centre) bagi maksud pemeriksaan perubatan.

Aspek pindaan yang kedua adalah memindahkan kuasa daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat kepada pihak mahkamah untuk memerintah seorang penagih dadah yang sudah diperiksa di Pusat Pengesahan untuk dimasukkan ke Pusat pemulihan atau diletakkan di bawah kendalian Pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu setelah mahkamah menimbangkan laporan Pegawai Kebajikan Masyarakat mengenai penagih dadah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini menyatakan dengan jelas bahawa kuasa untuk membuat perintah tahanan sementara di Pusat Pengesahan, perintah Pusat Pemulihan atau perintah seliaan terhadap seorang penagih dadah yang tidak bersabit dengan kesalahan jenayah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya sekarang dipindahkan kepada pihak mahkamah. Bagaimanapun tindakan yang perlu diambil bagi membawa seorang penagih dadah yang disyaki ke hadapan mahkamah masih lagi terletak di bawah tanggungjawab Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Polis. Dengan berbuat demikian pegawai-pegawai tersebut di atas masih diberi kuasa mengambil dalam jagaan seorang yang dipercayai penagih dadah. Akan tetapi pegawai yang berkenaan hendaklah membawa orang itu ke hadapan Magistrate dalam tempoh 24 jam bagi memperoleh perintah Magistrate untuk menahannya di Pusat Pengesahan.

Aspek pindaan yang lain berbangkit daripada pindaan pokok kepada Seksyen 25A ialah membuat peruntukan supaya seorang penagih dadah yang diperintahkan menjalani seliaan di bawah Pegawai Kebajikan Masyarakat haruslah mematuhi syarat-syarat tertentu yang dibuat oleh Mahkamah mengenai hal kediaman, pekerjaan, pergaulan, ujian perubatan dan sebagainya iaitu syarat-syarat yang difikirkan perlu bagi mendorong orang yang diselia itu bebas dari bahaya dadah. Jika seorang penagih itu melanggar satu syarat yang terkandung dalam perintah itu beliau boleh dibawa semula ke hadapan Mahkamah dan seterusnya dihukum lebih berat menurut segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun seorang penagih dadah yang tidak bersabit dengan kesalahan jenayah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya tertakluk kepada kaedah undang-undang yang sewajarnya tetapi tujuan pindaan ini tidak menganggap ia sebagai seorang penjenayah melainkan seorang yang memerlukan rawatan dan pemulihan. Dasar rational dalam peruntukan Rang Undang-undang ini ialah

menawarkan kemudahan yang sesuai bagi pemulihan dijalankan awal-awal lagi untuk keselamatan penagih dadah itu. Seorang penagih dadah haruslah dianggap sebagai seorang yang menghadapi satu penyakit sosial yang merbahaya dan oleh itu tindakan secepat mungkin mustahak diambil demi kepentingan masyarakat dan penagih dadah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penagih-penagih dadah yang sendiri sedar untuk mencari perubahan secara sukarela peruntukan yang mengizinkan mereka diterima bagi maksud rawatan dan pemulihan sudahpun terkandung di dalam ordinan pokok. Saya berasa sukacita bahawa setakat ini sambutan dari golongan sukarelawan adalah memuaskan dan diharap lebih ramai lagi penagih-penagih akan tampil ke hadapan untuk memohon pertolongan daripada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 1977 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.27 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan berasa lega kerana dengan keterangan-keterangan itu, saya dapati bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 1977 itu kelak diluluskan, ini akan dapat melindungi peruntukan-peruntukan mengenai kebebasan asasi.

Memang benar bahawa penagih-penagih dadah ini tidak boleh dianggap sebagai criminal ataupun jenayah. Tetapi hendaklah diberi sepenuh simpati, diubat dan dengan cara ini dapat kita mempengaruhi supaya penagih-penagih dadah ini dapat membocorkan rahsia-rahsia dan mendedahkan siapa se-

benarnya pengedar-pengedar dadah, kerana pengedar dadah inilah sebenarnya musuh kita dan dengan hanya menangkap ataupun memperbaiki penagih-penagih dadah ini tanpa kita dapati sarangnya maka kerumitan ini terus akan diulangi. Walau bagaimanapun, saya dapati pihak yang berkenaan tidak begitu hebat untuk memprojekkan keburukan dadah. Saya buat satu contoh, misalnya, tidak berapa lama dahulu ada dikhabarkan-angikan bahawa kalau kita makan ikan yang memakan kotoran-kotoran ikan itu ada berulat, sehingga pasar menjadi lengang tidak ada orang hendak membeli ikan. Baru-baru ini mengatakan susu ada racun, ramai orang tidak beli susu dan dua hari semalam saya mendapat khabar mengenai ayam suntik. Sesiapa orang lelaki memakan ayam suntik buah dadanya semakin lama semakin besar dan dia boleh jadi pondan dan sebagainya, sehingga ayam-ayam di pasar pun tidak laku. Nasib baik saya tidak makan ayam suntik. Walau bagaimanapun, inilah cara-caranya, kalaulah diprojekkan bahawa orang-orang yang menghisap dadah itu sebagaimana dikatakan Pak Radin Supatan lemah senjatanya, dihebahkan secara besar-besaran barangkali banyak orang takut, pemuda-pemuda takut dan gentar serta gerun. Ini saya nampak tidak ada dibuat.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan satu perkara iaitu Rehabilitation Centre ataupun Pusat Pemulihan sebagaimana ada di dalam peruntukan ini. Selain daripada Rehabilitation Centre ini yang dianjurkan ataupun diadakan oleh pihak yang berkenaan ada kita terdengar, pihak-pihak swasta terutamanya bomoh-bomoh yang mengadakan dengan secara sukarela dan banyak yang berkesan. Saya lihat banyak orang-orang datang, di Kampung Baharu ada, di Trengganu ada, di mana tempat lagi ada tetapi tidak ada pihak Kementerian yang berkenaan menghantar pegawai-pegawai kanannya untuk menyasat bagaimana eloknya, bagaimana caranya bomoh-bomoh ini boleh memberi kerjasama untuk memberi faedah kepada penagih-penagih dadah. Saya harap ini hendaklah diambil perhatian.

Saya suka membawa kepada peruntukan di muka 2 yang berbunyi, saya minta izin bacakan dalam Bahasa Inggeris:

“(4) It shall be the duty of the person in charge of a detection centre to immediately inform the Social Welfare officer of any person remanded for medical examination or observation at a detection centre to enable the Social Welfare officer to prepare the report as required for the purpose of subsection (2).”

Di sini ada mengatakan “to immediately inform the Social Welfare officer” saya fikir perkataan “to immediately inform” ini tidaklah specific kerana boleh jadi dua minggu, boleh jadi tiga minggu. Dengan sebab itu kerana peruntukan untuk menspecific tidak ada di dalam pindaan ini eloklah diadakan satu peraturan pentadbiran di mana ditentukan apakah dia perkataan “immediately” itu seminggu, dua minggu, tiga hari dan sebagainya supaya dapat pegawai yang bertugas mempunyai satu guideline.

Jadi setakat inilah sahaja teguran-teguran saya dan saya dengan sukacitanya menyokong pindaan Akta ini.

4.34 ptg.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan dan dibahaskan oleh Dewan sekarang. Rang Undang-undang ini yang diperuntukkan seseorang yang disyaki hidupnya bergantung kepada madat yang ditahan oleh Pegawai Kebajikan Am mesti dibawa ke hadapan seorang majistret dalam tempoh 24 jam. Sepatutnya sudah lama dibawa ke dalam Dewan ini kerana selama ini sesiapa yang ditahan tanpa dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh yang tersebut itu adalah jelas bertentangan dengan spirit dan maksud peruntukan Perkara 5 dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai Kebebasan Asasi Manusia.

Dalam hubungan ini saya suka hendak mengucapkan penghargaan terhadap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Kebajikan Am yang sedar perkara ini dan lantas membuat pembetulan. Saya berharap dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini mana-mana pegawai yang berkenaan hendaklah sentiasa mengambil berat terhadap peruntukan dalam Fasal 2 Akta ini. Kebiasaannya orang-orang yang ditahan itu adalah orang-orang daif maka janganlah hendaknya pegawai-pegawai yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan mengenai perkara ini iaitu perkara membawa ke hadapan majistret seseorang yang ditahan mengambil mudah terhadap peruntukan ini kerana ini melibatkan hak asasi manusia.

Selain daripada itu saya suka hendak menegaskan di sini betapa seriusnya masalah yang dihadapi oleh negara dan khasnya Kerajaan akibat penyalahgunaan dadah sekarang. Mengikut maklumat yang dipercayai dalam tempoh 3 bulan yang pertama sejak bulan Januari tahun ini seramai 1,542 kes penagihan dadah berlaku berbanding dengan hanya 936 kes dalam masa yang sama tahun lalu. Ini menunjukkan bahawa perkara ini serius dan jika tindakan berkesan tidak diambil segera dengan kerjasama negara-negara ASEAN yang lain maka hingga hujung tahun ini seramai 6,168 kes penagihan dadah dianggarkan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kerjasama dari semua pihak dan lapisan masyarakat terhadap ibubapa, guru-guru serta badan-badan sukarela dan badan-badan dakwah saya berharap penyalahgunaan dadah di kalangan muda-mudi kita khasnya dan orang awam amnya, Kerajaan harus dapat mengurangkan kes-kes penyalahgunaan dadah ini dan seterusnya mencegah daripada merebak kepada jentera-jentera penting Kerajaan terutama sekali pasukan-pasukan bersenjata.

4.38 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk menyokong Akta Dadah Merbahaya (Pindaan), 1977, kerana Akta ini memang telah lama ditunggu-tunggu untuk memberikan kuasa kepada Menteri Kebajikan Am untuk mengambil tindakan. Tetapi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya bertanya dan mencadangkan, pertanyaan saya yang pertama: adakah Kementerian Kebajikan Am telah cukup dengan pegawai-pegawai untuk menguatkuasakan Undang-undang ini kerana kita dapati seseorang penagih dadah hendaklah dikemukakan dalam tempoh 24 jam oleh seorang pegawai Polis ataupun seorang pegawai daripada Kebajikan Am (Social Welfare) dan adakah pegawai-pegawai ini mencukupi untuk menguatkuasakan. Saya tidak mahu apabila kita telah meluluskan beberapa Akta tetapi pelaksanaan dan penguatkuasaannya tidak berjalan dengan lancar.

Dan satu lagi kita tidak mahu juga masalah dadah pada hari ini telah menjadi satu beban dan penyakit negara yang mana orang ramai sendiri telah sedar dan ingin bekerjasama sehinggakan saya dapati banyak di antara ibubapa yang datang menyerahkan anaknya sendiri untuk tolong dirawat, diberi rawatan dan sebagainya tetapi oleh sebab kemudahan-kemudahan di pihak Kerajaan sendiri tidak mencukupi. Jadi itulah sebabnya, saya menyokong Undang-undang ini, tetapi saya minta pula penguatkuasaannya dan perlaksanaannya hendaklah berjalan dengan lancar iaitu pegawai-pegawai di Kementerian Kebajikan Am hendaklah dicukupkan.

Saya tahu misalnya Pejabat Kebajikan Am Wilayah Persekutuan berapa orang sangat pegawai yang ada, berapa kerat manusia yang menjalankan kerja sehinggakan pada satu ketika berlaku kebakaran di dua tempat tidak cukup, tidak ada pegawai yang hendak pergi, pegawai itu juga yang hendak pergi ke sana dan pegawai itu juga yang hendak pergi ke sini. Inilah yang saya runsingkan, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun pada hari ini, masalah hendak memerangi dadah ini kita telah menubuhkan Persatuan Penyalahgunaan Dadah yang dikatakan PEMADAM dan kita telah meminta orang ramai menjadi ahli PEMADAM dan usaha-usaha telahpun dijalankan oleh PEMADAM dengan mengadakan loteri PEMADAM. Saya harap mendapat sambutan orang ramai. Tujuannya ialah hendak meringankan beban Kerajaan dan berkehendakan orang ramai bersama mengambil bahagian supaya dengan adanya bantuan-bantuan orang ramai dapatlah juga kita menolong meringankan beban penagih dadah ataupun yang dihadapi oleh Kerajaan mengadakan pusat-pusat pemulihan ataupun memberi bantuan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara menitikberatkan masalah dadah ini orang ramai telah bersetuju untuk mengusahakannya. Misalnya, dalam Wilayah Persekutuan ini yang mana saya sendiri menjadi Pengerusi PEMADAM hendak mengadakan satu kem hujung minggu, kem PEMADAM yang mana kita hendak menarik pemuda-pemuda kita ini yang belum lagi kena penagihan dadah yang kita agak baru hendak terlibat sampai sekarang minta tanah, tidak dapat — itu tidak dapat; ini tidak dapat. Jadi apa yang saya tidak mahu perkara ini masih di awang-awangan. Kita heboh dalam suratkhobar, kita heboh dalam Dewan yang mulia ini tetapi tindakan dan perlaksanaannya secara praktikal tidak berjalan seperti anggapan orang ramai atau seperti yang dikehendaki oleh orang ramai itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh yang jelas, di hospital sendiri bahagian untuk hendak memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah berapa tempat tidur yang ada, berapa orang doktor yang ada; tidak sampai 10 tempat tidur. Kalau datang lebih daripada itu sudah tidak dapat memberi layanan. Inilah kemuskilan yang dihadapi yang berkehendakan tindakan yang praktikal, tindakan segera supaya orang-orang yang mengusahakan ini

tidak merasa bosan yang kita sentiasa bercakap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacitaiah dengan adanya Akta ini iaitu sesiapa yang ditahan tidaklah dan siapa yang terlibat dibawa ke mahkamah tidaklah dianggap sebagai penjenayah, tidaklah ini merosakkan masa hadapannya. Inilah satu kekeliruan yang berlaku di kalangan muda-mudi kita. Di kalangan orang ramai yang lepas-lepas ini mereka menyangka apabila anak-anak mereka ataupun diri mereka itu ditangkap oleh Polis kerana terlibat dalam penagihan dadah mereka menganggap mereka telah melakukan satu kesalahan serupa juga sebagai penjenayah sehingga mereka takut masa hadapan mereka itu akan tercemar. Tetapi dengan adanya Akta ini kelak perkara ini saya mintalah disebarikan secara berleluasan, penerangan secara berluas-luasan dijalankan supaya ibubapa akan mengetahui jika anak-anak terlibat dalam penagihan dadah dan mengetahui hasrat Kerajaan bahawa Kerajaan bersimpati dan menganggap mereka yang terlibat dengan penagihan dadah telah menjadi satu penyakit kepada masyarakat dan tujuannya ialah hendak menolong memulih bukan hendak mencemarkan masa hadapan ataupun merosakkan masa depan anaknya dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara saya berharap juga iaitu mengikut apa yang diterangkan di dalam Seksyen 25A yang mengatakan:—

“If the Magistrate has reasonable cause to believe that the person so brought before him is a drug dependent, he may order such person to be remanded....”

Tuan Yang di-Pertua, perkataan “may” ini juga yang susah. Perkara ini telah beberapa kali kami dan beberapa anggota-anggota masyarakat yang susah hati iaitu beberapa kali telah dibentangkan di dalam Parlimen ini, ada ketikanya iaitu apabila telah dapat ditangkap ataupun dikesan penagih-penagih ini tidak dapat ditahan oleh sebab tidak ada bukti. Inilah yang saya beberapa kali minta

supaya dijadikan kes-kes penagihan dan pencedaran dadah ini terutama sekali di dalam bahagian penagihan dadah janganlah diberikan sebagai bailable case tetapi hendaklah dijadikan non-bailable case untuk pada satu-satu ketika. Oleh sebab itu, saya mencadangkan tadi supaya diadakan satu tempat atau pusat yang boleh kita mengesan orang-orang penagih dadah ini dengan secepat mungkin dan tidak disimpan seperti sekarang ini di dalam lock-up polis. Ini sangatlah buruk angapan orang ramai.

Saya berharap pihak yang berkenaan dan pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mencari satu tempat yang sesuai. Tidaklah diletakkan budak-budak yang telah ditangkap sebagai penagih ini di dalam lock-up. Jadi imejnya sangatlah buruk. Maka sebab itulah saya katakan menitik-beratkan kemudahan-kemudahan tempat. Kalau ada kemudahan-kemudahan yang tertentu barulah boleh untuk kita hendak mengetahui kesan-kesan seorang penagih ini mengambil masa lebih daripada tiga hari atau empat hari, barulah boleh kita jalankan sistem “Cold Turkey Treatment” kepada penagih-penagih itu. Dari situlah dapat kita mencari jalan yang effective; kalau tidak tempoh 12 jam dia masih lagi kuat. Tetapi setelah 36 jam ataupun 48 jam seorang penagih itu barulah tidak boleh tahan lagi. Inilah cara-cara berkesan yang lebih penting. Itulah sebabnya saya berkehendakkan pegawai-pegawai yang tertentu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berkehendakkan peranan-peranan masyarakat selain daripada hospital ialah private clinics. Saya bukan hendak menuduh private clinics ini secara hendak mencari wang ringgit, tetapi saya merayu sebab saya dapati separuh daripada private clinics ini tidak bersimpati terhadap penagih-penagih dadah ini. Mereka mengenakan bayaran terlampau tinggi kepada sesiapa yang datang hendak minta pertolongan yang telah kena penagihan dadah. Ini saya merayu

kepada pihak Kerajaan kita melalui Kementerian Kesihatan menggunakan kuasa-kuasa yang ada dan pengaruh-pengaruh yang pada Malaysia Medical Association (MMA) walaupun saya sudah membaca dalam suratkhbar bahawa MMA sekali ada menghantar rayuan. Tetapi apa salahnya MMA mengeluarkan satu arahan berbentuk sebagai satu syarat ataupun undang-undang yang boleh kalau seseorang tidak mengikuti arahan dianggap melanggar medical ethics. Ini satu arahan yang tertentu daripada MMA merayu tiap-tiap kelinik private ini menitikberatkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penagih-penagih dadah. Oleh sebab kekurangan tempat di hospital dan kekurangan pusat-pusat rawatan yang disediakan oleh pihak Kerajaan, kita berhendakkan kerjasama daripada kelinik-kelinik persendirian yang berbentuk swasta.

Begitu juga pusat-pusat pemulihan. Saya minta kepada pihak Kerajaan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin. Saya selalu perhatikan apabila hendak mengadakan pusat pemulihan lambat sangat kerana hendak membina bangunan-bangunan yang begitu baik. Apa yang saya hendak, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan mengadakan pusat-pusat pemulihan secara ad hoc dahulu supaya kita dapat membendung keadaan penagih-penagih yang ada sekarang dan jangan tunggu-tunggu. Sekarang ini hendak tunggu cari tanah. Saya mencadangkan di mana sahaja kawasan yang ada kosong kita minta adakan dengan serta-merta pusat-pusat pemulihan yang penting kerana pusat-pusat ini hendaklah dianggapkan satu pusat yang khas. Saya rasa baharulah segala Akta yang diluluskan itu akan dapat berjalan dengan berkesan.

Akhir sekali mengenai peranan masyarakat, terutama sekali daripada badan-badan agama. Dahulu heboh sedikit disebutkan di dalam khutbah sekali sekala dan ucapan pembesar-pembesar kita tetapi selepas daripada itu senyap sepi sahaja. Saya berharap oleh sebab kita telah mengakui bahawa masalah dadah ini telah menjadi satu penyakit dan beban negara, saya mintalah pembesar-pembesar

kita, Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen di mana sahaja berucap walaupun apa sahaja perkara, jangan lupa disebutkan masalah penyalahgunaan dadah ini seperti yang disebutkan oleh sahabat saya dari Kuala Selangor tadi. Dengan cara kita berkempen secara langsung atau dengan secara tidak langsung hakikat kita itu tercapai dan masyarakat mengetahui bahawa hanya seluruh negara adalah sentiasa anti ataupun menganggap dadah ini sebagai musuh dan bukanlah kepada satu golongan yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya Akta ini kita dapat melaksanakan segala tujuan-tujuan seperti yang tercatat dalamnya dengan berkesan.

4.52 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, tadi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Setapak telah berucap sebagai pakar anti-dadah dan sungguhpun saya bukan seorang pakar dadah, tetapi saya juga ingin mengambil bahagian atas perbahasan ini dan juga untuk memberi sedikit ulasan atas Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada peruntukan-peruntukan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan asasi.

Saya merujuk kepada Fasal 2 yang bertujuan meminda seksyen 25A Ordinan Dadah Berbahaya dengan menggantikan seksyen kecil (1) dan (2) dengan yang berikut; izinkan saya bacakan dalam Bahasa Inggeris:

“(1) Any Social Welfare officer of any police officer not below the rank of Sergeant or an officer-in-charge of a police station may take into his custody any person whom he reasonably suspects to be a drug dependant and shall within twenty-four hours produce such person before a Magistrate.”

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan itu pada pandangan saya adalah sesuai kepada Perkara 5 (4) Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan asasi. Di sini izinkan saya memetik dalam Perlembagaan kita Article 5 (4):

“(4) Where a person is arrested and not released he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey) be produced before a magistrate and shall not be further detained in custody without the magistrate’s authority.”

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah perlu untuk menentukan bahawa semua warganegara kita dijamin hak-hak dan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan kita. Pindaan ini pada anggapan saya patutlah dimasukkan ke dalam Ordinan Dadah Berbahaya pada beberapa masa yang lalu. Memandangkan kepada beberapa pindaan-pindaan yang dicadangkan dan juga kepada seksyen-kecil baharu Rang Undang-undang ini dapatlah kita nampak bahawa beban kerja Pegawai Kebajikan Masyarakat telah bertambah dengan pemberian kuasa polis kepada mereka untuk menjalankan atau menguatkuasakan Rang Undang-undang ini. Memandangkan kepada hakikat ini saya ingin mengesyurkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya lebih ramai Pegawai Kebajikan Masyarakat dilantik untuk menentukan bahawa tugas mereka terhadap penagih dadah dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Ini adalah satu hal yang sangat mustahak sekiranya kita hendak dapat menentukan bahawa Rang Undang-undang ini dapat dijalankan dengan licin. Saya ingin menegaskan di sini, bahawa mengadakan satu Rang Undang-undang sebagai ini ialah satu perkara, tetapi untuk menentukan undang-undang tersebut akan dijalankan dengan berkesan ialah satu perkara yang lain dan ini adalah merupakan satu cabaran yang besar kepada pihak berkuasa dan tidak ada cara yang lebih berkesan untuk menentukan perjalanan atau perlaksanaan Undang-undang ini selain daripada

terdapatnya kakitangan-kakitangan yang cukup dan berkalibar untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini.

Sekali lagi saya ingin menggesa supaya Kerajaan melantik lebih ramai Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk tujuan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

Satu cadangan lagi yang saya ingin mengemukakan dalam Dewan ini dan ini ialah harapan saya bahawa lebih banyak pusat pengesanan dan pusat penawaran (detoxicating centre) dapat dibangunkan di negara kita untuk memenuhi keperluan-keperluan yang tertimbun akibat pelaksanaan Rang Undang-undang ini. Pada kini hanya terdapat 17 buah pusat pengesanan yang mengandungi 72 buah katil dan 7 buah pusat penawaran yang mengandungi 140 buah katil yang disediakan semenjak tahun 1975 untuk menolong penagih-penagih dadah yang kian bertambah. Pada pandangan saya, ini adalah tidak cukup untuk memenuhi keperluan Rang Undang-undang ini dan saya cadangkan supaya lebih banyak pusat pengesanan dan pusat penawaran dapat ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sekianlah ulasan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

4.58 ptg.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 1977 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang ada sekarang. Perkara Dadah Berbahaya ini sudah beberapa kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan pandangan saya dadah ini mungkin dianggapkan sangat penting kepada negara, khasnya penting sekali kepada rakyat di seluruh Malaysia. Pada hari ini Parlimen telah

mengadakan banyak perkara-perkara yang penting dalam Seksyen 25A dan (B) seksyen-kecil baharu iaitu (4), (5), (6), (7) dan (8) dalam Ordinan Dadah Berbahaya 1952.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sangat bimbang oleh kerana saya dapati di Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak sudah mengeluarkan penerangan dalam Radio di Kuching sehingga penengahan tahun 1977. Mengikut lapuran itu beratus-ratus pemuda-pemudi termasuk budak-budak sekolah sudah diketahui berdadah dan orang ramai pun sudah bertambah bimbang bila mendengar keterangan seperti ini. Oleh yang demikian, saya ingin tahu setakat ini sejauh manakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kementerian yang berkenaan. Adakah Kementerian ini perlu berhubung dengan Kerajaan Negeri supaya dapat bersama-sama mengutip iaitu wang dari kilang-kilang ataupun dari taukeh-taukeh di negeri ini supaya dapat mendirikan sebuah rumah kediaman untuk pemuda-pemudi yang sudah menagih dadah ini supaya dapat dipulihkan. Selain daripada itu mendirikan rumah kediaman untuk pemuda-pemudi itu saya juga ingin tahu apakah cara-cara Kerajaan Pusat memberi bantuan Kerajaan Negeri supaya perkara yang sudah berlaku seperti ini dapat dijalankan dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya dalam 10 tahun yang lepas perkara seperti ini belum ada membimbangkan rakyat di Sarawak, tetapi pada hari ini rakyat di luar bandar, khasnya rakyat di kampung-kampung ataupun rakyat di rumah panjang sangat bimbang, bila rakyat mendengar lapuran dalam radio ataupun dalam surat-khabar-suratkhabar iaitu pemuda-pemudi di bandar ataupun di luar bandar sudah bertambah buruk mengenai perkara penagih dadah ini. Dengan keadaan seperti ini adakah mungkin dari kesilapan Kerajaan sendiri ataupun kesilapan kakitangan-kakitangan di Jabatan Kastam mungkin tidak betul menjalankan tugas-tugas mereka.

Sebagai contoh, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam di negeri ini adalah satu jabatan yang bertanggungjawab atau memeriksa kapal-kapal tambang udara, kapal tambang di tasik ataupun kapal-kapal udara Malaysia oleh kerana banyak kritik-kritik dari rakyat mengapakah dadah ini dapat masuk ke negeri Malaysia, khasnya di Negeri Sarawak, mungkin oleh sebab kesilapan ataupun kemungkinan kekurangan kakitangan Kerajaan di Pejabat Kastam ataupun lain-lain sebab.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan supaya Kerajaan Pusat dapat membuat peruntukan wang yang lebih banyak lagi kepada Jabatan Kastam supaya Jabatan Kastam dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali oleh kerana kebimbangan rakyat di Negeri Sarawak khasnya rakyat di luar bandar, saya mohon supaya tiap-tiap seorang yang sudah berdadah itu tidak boleh dibiarkan, akan tetapi patutlah diberi ubat-ubat dengan seberapa yang boleh. Saya harap kepada Kerajaan khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am patutlah mengambil berat atas mencari jalan bagi mengurangkan penagih dadah ini.

*5.03 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya berpendapat sebagaimana juga saudara-saudara yang lain dadah adalah satu benda yang merbahaya sebagaimana yang telah ditulis dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Memang dadah ini merbahaya sungguh kerana sesiapa sahaja yang kena penyakit dadah dia tidak tentu arah. Kita selalu tengok bila orang kena penyakit dadah keadaannya amat teruk dan tidak ada sifat malu dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat kuasa menangkap sesiapa

sahaja yang telah kena penyakit dadah kita payah hadkan kepada Polis dan sebagainya, bahkan saya berpendapat patut juga diberi kuasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada ahli-ahli RT, RELA dan sebagainya kerana saya dapati orang-orang yang kena penyakit dadah ini bukan dia hendak lari daripada kita, kadang-kadang kepada kita sendiri dia tanya di mana ada orang menjual dadah. Bila dia sudah datang ketagih dadah pada kita pun dia biasa tanya. Satu hari dalam Kuala Lumpur ini juga ada serbuan Polis terlampau ketat, ada seorang penyakit dadah dia tidak tahu hendak cari siapa. Salah seorang kawan saya telah ditanya di mana tempat orang jual dadah — dia bersiul, kitapun tak erti. Jadi biarlah kuasa itu banyak sedikit kita beri kepada RELA dan sebagainya dan kepada orang-orang yang tertentu pun boleh menangkap. Ini satu jalan.

Saya bersetuju kalau setakat hendak kempen, orang ini bila dia sudah terkena, lagi kita kempen, kadang-kadang beri satu daya penarik bagi setengah orang pula. Manusia ini kadang-kadang bila orang tahan sangat, dia lagi teringin hendak hisap benda itu, melainkan diambil satu daya usaha yang kuat. Yang kedua, saya juga berpendapat Pegawai Kebajikan ini terlampau banyak sangat tugasnya sedangkan orang yang susah ialah Pegawai Kebajikan, memulihkan akhlak pun Pegawai Kebajikan, kalau fasal bab dadah pun Pegawai Kebajikan. Dengan sebab itu sebagaimana dikatakan oleh saudara-saudara yang lain menambahkan pegawai-pegawai ini amatlah perlu dan amatlah patut. Jadi janganlah kita beri tugas terlampau banyak sedangkan pegawainya tidak cukup. Sebagai manusia biasa kalau terlampau banyak tugas, tentu tidak boleh buat. Dengan sebab itu atas apa yang telah dicakapkan oleh saudara-saudara tadi, saya juga turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah membuat tempat pemulihan dadah tetapi yang sedihnya tempat pemulihan itu kadang-kadang orang dapat lari keluar tak sempat hilang ketagih-

nya, rawatan pemulihannya pun belum tamat, orang itu lari keluar dahulu dan yang sedihnya kadang-kadang yang mengawal itupun hisap dadah, ada yang dapat dikawal itupun laru keluar dan dia pun tumpang hisap dadah. Jadi benda ini patutlah kita awasi betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari kita mengambil tindakan kepada pemuda-pemuda ini menghisap dadah, kita tidak nafikan selain daripada pemuda ada di antara pegawai-pegawai kita sendiri yang terkena penyakit dadah kerana benda yang tidak baik ini tidak pilih siapa, dia tahu pegawai Kerajaan sendiri ada yang terkena dadah. Dengan sebab itu, Kerajaan telah membuat satu syarat beri tempoh siapa yang didapati terkena penyakit dadah, repot kepada ketuanya. Kalau tidak silap saya dalam masa tidak lebih dari 6 bulan tarikhnya, tetapi sampai hari ini saya dapat tahu masih ada yang lepas tidak repot lagi tetapi dadah masih dihisap juga, tindakan tidak ambil. Tidak ubahlah seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi Undang-undang ini kita buat selalu, tentang tindakan itu Rang Undang-undang tinggallah Rang Undang-undang, tetapi dadah tetap dadah juga macam biasa. Oleh sebab itu, saya berharap perkara ini patutlah diambil tindakan di atas apa yang kita telah putuskan dalam Dewan yang mulia ini.

Satu perkara lagi mengenai pusat-pusat kecil patutlah dikawal betul-betul supaya jangan ada yang membawa masuk dadah di situ. Penyakit ini, saya berpendapat selepas orang itu sudah hilang ketagih kadang-kadang manusia ini kata orang, maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan satu perkataan yang tidak baik sedikit, sebagai satu contoh, kata orang kalau anjing itu biasa makan najis, satu hari pun dia tengok teringin hendak cium juga. Jadi saya takut orang yang terkena penyakit dadah, bila dia pulih sekalipun, bila dia terbau sahaja dadah, harus yang sudah pulih itupun dia lekat semula. Dengan sebab itu selepas dia sudah pulih, saya berpendapat patutlah kawalan orang yang terkena penyakit dadah itu diadakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Polis Kuala Lumpur, terutama kepada ketuanya yang telah membuat serbuan mengejut di Wilayah Persekutuan, kalau tidak silap saya pada satu ketika dapat menangkap beberapa orang penagih dadah. Saya berharap serbuan dibuat di negeri-negeri lain juga. Saya terus-terang khabarkan walaupun benda ini malu sedikit, pekan Kangar pun banyak penagih dadah. Kadang-kadang mereka yang mencuci kereta itupun penagih dadah, kita tengok banyak yang mata luyu tetapi hendak tangkap kita tak ada kuasa. Jadi serbuan yang telah dibuat oleh Polis Selangor itu patut juga dibuat oleh negeri lain atau di mana sahaja tempat kerana orang yang telah menjadi penyakit dadah ini bukan perkara sulit lagi, sudah banyak sangat. Walaupun kita tangkap dan dihantar ke tempat pemulihan dadah, saya percaya bukan sahaja menjadi penyakit masyarakat, bahkan ibubapanya sendiri pun bersetuju asalkan kita tangkap dan hantar ke tempat pemulihan supaya anak itu menjadi baik. Jadi, benda yang baik ini walaupun asalnya keras dahulu, saya berpendapat ubat yang boleh menyembuh penyakit itu adalah benda yang pahit dan kita hendak menjadi pandai pun kena bersusah-payah dahulu. Kalau hendak hapuskan orang penyakit dadah inipun kena keras dahulu, baru kita dapat kebaikan. Kalau takut hendak buat apa-apa maka selama itulah kita tidak boleh berjaya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat patutlah tiap-tiap negeri diadakan doktor pakar yang berkenaan dengan penyakit dadah dan penyakit jiwa. Orang menghisap dadah ini disebabkan daripada susah hati, pergaulan dan sebagainya. Jadi patutlah tiap-tiap hospital dan hospital-hospital besar diadakan pakar khas bersangkutan dengan penyakit dadah ini.

Dengan ini, saya sokong Rang Undang-undang ini.

5.10 ptg.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut membahas Rang Undang-undang ini.

Saya tidak bercadang memberi jawapan kepada tiap-tiap satu perkara yang dikemukakan, sebab bila Rang Undang-undang (Pindaan) ini dikemukakan di Dewan ini pertama kalinya, hujah-hujah, syor-syor dan teguran-teguran yang hampir sama bentuk dan rupanya telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sendiri.

Oleh kerana Rang Undang-undang ini hanya dikemukakan untuk meminda fasal-fasal yang bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan juga fasal-fasal bagi menguatkuasakan dari segi praktik, suka-lah saya sebutkan di sini bahawa Kerajaan adalah memberi perkhidmatan untuk memulihkan penagih-penagih dadah di samping segala usaha adalah diambil untuk mengawal dan menyekat bekalan dadah berbahaya dan mengawasi semua saluran yang disyakki sebagai cara dadah berbahaya keluar masuk di negara kita ini.

Menurut kepada bilangan penagih-penagih yang menuntut rawatan di hospital-hospital Kerajaan dan mereka yang memohon masuk ke pusat-pusat pemulihan yang ada sekarang bilangan yang bertambah besar ini adalah menunjukkan bahawa keadaan penagih dadah ini adalah serius dan memerlukan tindakan yang sekarang sedang dijalankan dan dengan persetujuan Dewan ini di atas Akta Pindaan ini maka diharaplah kegiatan pemulihan akan lebih berkesan lagi. Segala rayuan dan syor-syor dari Ahli-ahli Yang Berhormat ada dicatitkan dan mana yang boleh dari segi praktik akan diambil perhatian dan ingatan untuk kajian dan mana yang boleh tindakan akan diambil.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Bil ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.15 petang.*